SEJAK 1971 SUARA DARI MENARA ILMU

BERITA KAMPUS

ISNIN 23 Mac 2015 | Jilid 44 Bil 8 | RM1.00 | beritakampus44@gmail.com | ISSN 1397-7443

LAPORAN KHAS | ESCAPE: Tiada teknologi, tidak mengapa | 10-11

Bahan pinjaman perpustakaan tanggungjawab bersama

Sikap tidak bertanggungjawab segelintir siswa-siswi Universiti Sains Malaysia (USM) terhadap bahan perpustakaan telah menyusahkan perpustakaan dan siswa-siswi yang lain.

Menurut Ketua Bahagian Sirkulasi Perpustakaan Hamzah Sendut 1 (PHS1), Aini Yusof, beliau sangat kecewa dengan sikap siswa-siswi yang tidak mengambil berat tentang penjagaan buku yang dipinjam.

"Buku berkulat, basah dan koyak antara masalah yang sering kami hadapi apabila pelajar memulangkan buku yang dipinjam dan apabila ditanya mengapa, mereka hanya jawab acuh tidak acuh sahaja", katanya lagi.

Beliau turut menambah, setiap kerosakan dan kehilangan bahan pinjaman akan diambil tindakan dengan mengenakan denda dan penahanan.

Aini turut menambah dahulu perkara sebegini jarang berlaku, tetapi sejak kebelakangan ini ia menjadi semakin kerap dan serius terutama dalam kalangan siswa-siswi pascasiswazah.

Tambahnya lagi, antara alasan yang diterima oleh perpustakaan ialah kes kecurian kad matrik atau kad matrik dipinjam oleh kawan.

"Sepatutnya sebagai seorang siswa-siswi universiti, kad matrik perlu dijaga ibarat menjaga kad pengenalan dan jangan diberi pinjam sesuka hati kepada orang lain hingga berlaku salah guna kad tersebut. Perkara seperti ini akan menyebabkan kesusahan kepada diri sendiri", ujar Aini lagi.

Aini berharap agar siswa-siswi USM mengubah sikap negatif tersebut dan sedar tentang kepentingan buku-buku tersebut kepada orang lain.

Menurut Pustakawan Bahagian Sirkulasi PHS1, Nor Azan Ibrahim, perpustakaan terpaksa mengambil tindakan berkenaan kes kerosakan dan kehilangan bahan pinjaman seperti menahan skrol ijazah namun mereka masih boleh dibenarkan bergraduasi.

"Bayangkan buku tersebut ialah buku terakhir yang diterbitkan dan hanya ada satu dalam Malaysia dan ia dirosakkan oleh mereka yang tidak bertanggunjawab. Ia ialah satu kerugian besar kepada perpustakaan dan siswa-siswi yang lain kerana tidak mendapat akses bahan yang sama", katanya dengan nada kecewa.

"Masalah ini diibaratkan kerana nila setitik, rosak susu sebelanga, kerana sikap segelintir mereka yang tidak bertanggunjawab, semua pihak mengalami kesusahan", tambahnya lagi.

"Perpustakaan mengambil serius perkara ini kerana setiap bahan pinjaman ialah harta bersama dan bukannya milik perpustakaan semata-mata. Rugi sekiranya bahan pinjaman tersebut disia-siakan kerana ia ialah satu ilmu yang boleh dimanfaatkan oleh semua orang", jelas Nor Azan lagi.



Jenazah Allahyarham Muhamad Izzamir Nabihan A. Majid dibawa ke Masjid Al-Jamiul Badawi untuk disembahyangkan seterusnya dikebumikan di tanah perkuburan masjid tersebut.
Gambar oleh Mohamad Hafiz Adisman

Pelekat kenderaan elak denda

Oleh **NOR KHAMISAH SAIDIN**

Ramai siswa-siswi yang masih tidak menyedari dan mengetahui tentang keperluan pelekat kenderaan sebagai satu pas untuk membawa kenderaan dan meletakkannya di Universiti Sains Malaysia (USM) terutamanya bagi pasca-siswazah sekiranya tidak ingin didenda.

Menurut Haslindawati Saaf, Sarjana Sastera, tidak ramai siswa-siswi pasca-siswazah yang tahu mengenai keperluan pelekat kenderaan.

Ada di antara rakannya yang masih lagi tidak tahu tindakan yang akan dikenakan sekiranya meletakkan kenderaan tanpa pelekat kenderaan.

"Saya memohon pelekat kenderaan setelah dinasihati Jabatan Keselamatan (JK) apabila hendak masuk ke dalam USM pada bulan September yang lalu. Sebelum itu, saya tidak diberikan maklumat mengenai kepentingan pelekat kenderaan", katanya.

Siti Rubiah Mohd Yusope, Sarjana Pengurusan Pembangunan Islam, pula berkata dia tidak tahu sekiranya kenderaan yang tidak mempunyai pelekat kenderaan meletakkan kereta di parkir akan dikunci roda.

"Sebelum ini saya meletakkan kenderaan di parkir berhadapan dengan bangunan C23 dan tidak pernah lagi dikenakan denda. Selepas denda dikenakan, saya baru tahu bahawa setiap kenderaan perlu mempunyai pelekat kenderaan", katanya.

Bagi Siti, denda sebanyak RM50 agak tinggi untuk kemampuan dan agak membebankan siswa-siswi.

Bagi Lim Shu Sin, Ilmu Kemanusiaan 3, dia sedar bahawa siswa-siswi yang ingin membawa dan meletakkan kenderaan perlu mempunyai pelekat kenderaan dan menjadi satu kesalahan bagi siswa-siswa yang tahu tetapi mengendahkannya. Tetapi agak tidak adil bagi orang awam misalnya ibu bapa siswa-siswi yang tidak tahu mengenai undang-undang di USM.

"Ibu bapa yang datang ke USM untuk melawat anak mereka sudah pasti tidak tahu akan peraturan ini. Mereka mungkin akan meletakkan kereta di parkir yang memerlukan pelekat kenderaan yang akhirnya akan menyebabkan kereta dikunci roda", tambahnya lagi.

Naib Yang Dipertua 2 Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), Goo Chuan Chiew, berkata bagi siswa-siswi yang tidak mempunyai pelekat kenderaan, JK memberikan kelonggaran kepada mereka untuk meletakkan kenderaan di Padang Kawad dan di belakang Desasiswa Indah Kembara.

"MPP bercadang untuk mengajukan aduan mengenai parkir di hadapan Dewan Kuliah D, E, F yang tidak digunakan sepenuhnya kepada Naib Canselor USM, Prof Dato Dr Omar Osman. Kami berharap siswa-siswi yang mempunyai pelekat kenderaan boleh meletakkan kereta di sana pada setiap masa", katanya lagi.

Tambah Goo lagi, isu denda RM50 yang dikenakan adalah agak tinggi bagi siswa-siswi. MPP juga akan mengajukan masalah ini supaya denda yang dikenakan dapat dikurangkan kepada RM30.

Manfaatkan ilmu

Sabda Rasullulah SAW yang berbunyi " Mencari ilmu adalah fardhu bagi setiap muslim" (Hadis riwayat Ibnu Majah). Menuntut ilmu adalah suatu perkara yang dianggap wajib dan berguna bagi setiap individu. Jatuh bangunnya satu bangsa tersebut bermula dari tahap ilmu yang mereka miliki bagi melindungi dan mengangkat martabat diri, bangsa, dan juga agama.

Namun begitu segelintir siswa-siswi menganggap ilmu yang mereka peroleh ketika berada di universiti bersifat sementara sahaja. Lebih tepat lagi kebanyakan ilmu hanya diingati sewaktu kuliah dan ketika bertungkus-lumus menjawab soalan peperiksaan. Selebihnya akan terus dilupakan sehinggalah mereka memasuki semester baru atau setelah bergraduasi.

Seharusnya kita sebagai siswa-siswi yang bakal memegang pucuk pimpinan negara pada masa akan datang mendalami dengan penuh fokus dan kefahaman sebarang ilmu berkaitan pendidikan yang kita peroleh, supaya ia dapat dipraktikkan ketika kita berada di alam pekerjaan dan dalam menghadapi berbagai-bagai cabaran dunia luar.

Permintaan terhadap graduan yang mempunyai pengetahuan mendalam mengenai jurusan yang diambil sewaktu belajar dan kemampuan untuk mengaplikasikannya kembali dalam bentuk praktikal sewaktu bekerja amat dikehendaki.

Menurut hadis sabda Rasullulah SAW yang diriwayatkan oleh Abdullah bin Mas'ud r.a yang bermaksud "Barangsiapa yang mempelajari ilmu satu bahagian saja, dan mereka mengambil manfaat dari ilmu tersebut untuk kepentingan dunia dan akhirat, itu lebih baik baginya dari hidup 7000 tahun, berpuasa siang harinya dan solat pada malamnya. Amalan orang yang menuntut ilmu diterima tanpa halangan," (Riwayat Abdullah bin Mas'ud).

Jelas diterangkan di dalam hadis ini bahawa betapa pentingnya ilmu di bagi seseorang itu untuk dituntut dan dimanfaatkan sepenuhnya ketika di dunia dan juga akhirat. Seperti yang kita sedia maklum ayat pertama yang diturunkan di dalam Al-quran di gua Hira kepada Nabi Muhammad SAW adalah " Iqra " yang bermaksud "bacalah". Peristiwa ini menunjukkan satu gambaran jelas betapa pentingnya ilmu kepada manusia. Ilmu dapat menaikkan taraf kehidupan kita kepada yang lebih baik. Semestinya ilmu merupakan harta yang tidak ternilai bukan sahaja pada para pencinta ilmu tapi juga manusia keseluruhannya.

Oleh itu, sewajarnya siswa-siswi memberi perhatian terhadap tanggungjawab menuntut ilmu yang tidak hanya berakhir di hujung semester setiap kali peperiksaan tamat. Ilmu adalah proses pembelajaran sepanjang hayat.

Seharusnya kita sebagai siswa-siswi yang bakal memegang pucuk pimpinan negara pada masa akan datang mendalami dengan penuh fokus dan kefahaman sebarang ilmu berkaitan pendidikan yang kita peroleh, supaya ia dapat dipraktikkan ketika kita berada di alam pekerjaan dan dalam menghadapi berbagai-bagai cabaran dunia luar.

Kejayaan di tangan siswa-siswi

Ilmu yang diterima khususnya di universiti amat sesuai diaplikasikan dan dijadikan wadah bagi membantu masyarakat. Dalam artikel Sinar Harian bertarikh 15 Oktober 2014, bertajuk 'Penyelidik USM cipta alat penjimatan minyak' melaporkan penyelidik Universiti Sains Malaysia (USM) berjaya mencipta alat penjimatan minyak petrol dan diesel yang mampu mengurangkan penggunaan bahan api itu sehingga 45 peratus. Kejayaan ini bukan hanya mengharumkan nama USM itu sendiri, malah hasil yang diperoleh memberi impak besar kepada masyarakat.

Walau bagaimanapun, kemasukan siswa-siswi ke universiti adalah dengan membawa niat yang berbeza-beza. Selain bertujuan untuk benar-benar untuk menuntut ilmu, terdapat di antara mereka yang memasuki universiti kerana desakan ibu bapa. Keadaan ini membuatkan mereka berasa terpaksa belajar, dan ibu bapa mulai dipersalahkan apabila prestasi pelajaran mereka merosot.

Selain itu, ilmu yang diajar sukar untuk diterima oleh golongan ini kerana berhadapan dengan tekanan belajar. Sememangnya kehidupan universiti adalah lebih mencabar berbanding alam sekolah kerana sistem pembelajarannya jauh berbeza. Oleh itu, pengaturan masa amat penting dan siswa-siswi itu sendiri perlu bersikap optimistik. Mereka tidak seharusnya memandang rendah pada diri sendiri sekiranya keputusan peperiksaan agak lemah. Di sini, motivasi diri amat penting supaya mereka dapat bangkit semula daripada kegagalan yang dilalui sebelumnya. Bahkan, mereka boleh menjadikan kegagalan itu satu cabaran untuk cemerlang.

Sungguhpun begitu, kemerosotan prestasi akademik juga boleh berlaku kepada sesetengah pelajar yang sanggup mengabaikan pelajaran hanya untuk bercinta. Dalam situasi sebegini, siswa-siswi seharusnya bijak mengatur masa antara belajar dan bercinta. Malah, mereka boleh menjadikan perhubungan untuk meningkatkan prestasi pelajaran dengan berkongsi ilmu. Perbincangan berkaitan ilmu adalah lebih baik daripada berbincang perkara yang sia-sia dan hanya membazir waktu.

Penguasaan ilmu bukanlah sesuatu yang mudah. Namun, ilmu dapat mengubah kehidupan seseorang menjadi lebih baik, bahkan memberi manfaat juga pada orang lain. Oleh yang demikian, siswa-siswi perlu sedar bahawa menuntut ilmu adalah tanggungjawab demi kepentingan bersama. Penulis buku Bagaimana Menjadi Seorang Pelajar Yang Baik dan Berjaya, Profesor Dr Muhaya Mohamad ada mengatakan bahawa ilmu dan pendidikan ibarat cahaya yang menerangi kegelapan dan ilmu mesti dicari dan dikuasai walaupun terpaksa menempuh keperitan dan kesusahan. Maka, ilmu menjadi kunci kejayaan dalam kehidupan.

Potensi diri bantu siswa-siswi elak pengangguran

Isu pengangguran dalam kalangan graduan hingga kini masih menjadi sebutan dalam masyarakat. Universiti Awam (UA) bukan sahaja tempat untuk mendapatkan segulung ijazah, tetapi turut menjadi medan menerokai potensi diri.

Kebanyakan UA mahu melahirkan graduan yang boleh diserap terus ke dalam pasaran kerja, dengan kemahiran dan pengalaman untuk mengendalikan pelbagai kehendak industri pekerjaan. Kemahiran insaniah graduan yang amat diperlukan oleh industri, tetapi kurang diberi perhatian oleh graduan menyebabkan isu pengangguran berterusan.

Statistik dari Jabatan Perangkaan pada tahun 2012 menunjukkan, jumlah siswazah yang menganggur di negara ini adalah seramai 76,200 orang kerana tidak memiliki kemahiran insaniah yang tinggi untuk memenuhi kehendak majikan.

Masalah pengangguran graduan berpunca daripada beberapa faktor, antaranya ialah kekurangan kemahiran insaniah. Kemahiran yang merangkumi kemampuan siswa-siswi berfikir secara kritis tentang sesuatu perkara, kemahiran komunikasi, personaliti dan perwatakan perlu diberi perhatian khusus oleh siswa-siswi.

Dalam petikan akhbar Utusan Malaysia Naib Canselor Universiti Malaya (UM), Profesor Tan Sri Dr. Ghauth Jasmon berkata, belajar di universiti bukan sekadar hadir ke kelas tetapi perlu mengambil peluang untuk membangunkan diri, berkawan dan membina jaringan sosial.

Justeru itu, tahap kemahiran graduan yang dihasilkan dalam bidang teknikal dan profesional juga perlu diseimbangkan supaya ia selari dengan keperluan semasa industri. Dengan itu, graduan haruslah sentiasa belajar mengenalpasti kualiti kebolehpasaran mereka sebelum menamatkan pengijazahan.

Punca krisis ekonomi yang tidak stabil turut mempengaruhi peningkatan pengangguran graduan. Oleh itu siswa-siswi disarankan untuk menceburi dalam bidang perniagaan semasa menuntut ilmu di universiti.

Universiti Sains Malaysia (USM) juga turut menggalakkan siswa-siswi untuk melibatkan diri dalam keusahawanan, dengan menyediakan kemudahan tapak niaga seperti Uptown Mall dan kiosk-kiosk di setiap desasiswa. Dengan adanya inisiatif sebegini, dapat menggalakkan siswa-siswi berkecimpung dalam dunia perniagaan.

Selain menawarkan pendapatan yang lumayan, siswa-siswi boleh meneroka potensi bekerja sendiri dalam bidang keusahawanan. Tambahan lagi, ianya memberi peluang kerjaya secara persendirian.

Kesimpulannya, siswa-siswi seharusnya meneroka potensi diri, berfikiran lebih terbuka, berpandangan jauh dan bersiap sedia menghadapi alam pekerjaan yang penuh cabaran.

Justeru itu, tahap kemahiran graduan yang dihasilkan dalam bidang teknikal dan profesional juga perlu diseimbangkan supaya ia selari dengan keperluan semasa industri. Dengan itu, graduan haruslah sentiasa belajar mengenalpasti kualiti kebolehpasaran mereka sebelum menamatkan pengijazahan.

LEMBAGA PENASIHAT BERITA KAMPUS

PENGERUSI
Prof Madya Dr Jamilah Haji Ahmad
PENGERUSI RANCANGAN PRASISWAZAH
Dr Nik Norma Nik Hasan
PENSYARAH - RENCANA
Dr Nik Norma Nik Hasan
PENSYARAH - BERITA
Dr Chai Ming Hock
PEMBANTU KHAS
En Abdul Rahman Khalid
En Abdul Razak Ismail
En Mohd Azmi Ahmad Rahim

SIDANG EDITORIAL

KETUA PENGARANG
Nur 'Izzah Athira Muhamad Nazmi
TIMBALAN KETUA PENGARANG I
Nabilahaisah Tawang
TIMBALAN KETUA PENGARANG II
Nur Syahidah Abu Bakri
KETUA PENYUNTING
Nabilah Mad Zom
KETUA ATUR LETAK
Nur Khalidah Abdul Halim
WARTAWAN
Ng Xiang Yi
Siti Nazifah Tajudin
Michele Ng Heng Kim
Aliana Hamimi Amran
Nur Habibah Nordin
Rosamira Ahmad Razali
Shangitha Sadayan
Sharmila Premal
Victoria Sofia Francis Victor
Mohamad Hafiz Adisman
Nur Emira Saizali
Debra Wong Ser Lin
Hemawati Somasundharam
Siti Fasriana Shaari
Ian Leondy
Lee Kam Fei
Mohamad Afiq Amani Mohamed Nahdirsha
Muhammad Ridzwan Md Ali
Muhamad Fauzi Samsudin
Muhammad Suhaib Mohd Shapie
Nor Khamisah Saidin
Aishah Hanis Azmi
Nurul Khairiah Mohamed Yusof
Au Tse En Nicole
Norsyafiqah Zamal Ishak
Asmah Ali
Nur Farzana Jasmi

ALAMAT Bilik Berita, Balai Media, Pusat Pengajian Komunikasi | **TELEFON** 04-653 5071 | **E-MEL** bkusm11@yahoo.com
Berita Kampus ialah akhbar makmal siswa-siswi tahun akhir pengkhususan kewartawanan, Pusat Pengajian Komunikasi, USM dan bukan pendirian dan pandangan rasmi Universiti Sains Malaysia.

Sejak 1971.
Suara Dari Menara Ilmu.

Jenazah disemadikan di Pulau Pinang

Oleh MOHAMAD HAFIZ ADISMAN

Jenazah Allahyarham Muhamad Izzamir Nabihan A. Majid, 23, siswa Kejuruteraan Sumber Mineral, Universiti Sains Malaysia (USM) selamat dikebumikan di Tanah Perkuburan Masjid Al-Jamiul Badawi selepas solat Jumaat pada 13 Mac 2015.

Jenazah allahyarham dibawa pulang terus ke rumah keluarganya sejurus tiba dari Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang awal pagi tersebut. Menurut Naib Canselor USM, Profesor Dato' Omar Osman, sebaik tiba, keluarga Allahyarham memberi peluang dan ruang kepada sanak saudara dan rakan-rakan allahyarham untuk menziarahnya buat kali terakhir.

"USM ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dan Kedutaan Malaysia di Jakarta yang membantu menguruskan perjalanan jenazah ke Pulau Pinang serta penduduk setempat Taman Fahim, Kepala Batas yang juga memudahkan urusan jenazah. Selain itu, terima kasih juga diucapkan kepada rakan-rakan di Acheh, iaitu Universiti Ubudiyah dan juga Naib Canselor Universiti Malaysia Perlis, Brig. Jen. Datuk Prof. Dr. Kamarudin Hussin, yang membantu membawa pulang jenazah, 23 orang pelajar dan pensyarah yang terlibat dalam kemalangan ke tanah air", katanya.

"Pada petang ini kita akan menerima kepulangan 23 pelajar dengan penerbangan Firefly, di mana rakan kita di Acheh juga menguruskan semua perjalanan mereka termasuk menempatkan mereka di Hospital Universiti Ubudiyah, Indonesia untuk menjalani pemeriksaan kesihatan dan rawatan awal di sana. Malah kita juga sudah bersedia dengan pasukan perubatan dan pasukan trauma untuk mengetahui keadaan mereka di Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang. Jika diperlukan, mereka akan dibawa terus ke hospital yang terdekat. Ini adalah tindakan yang diambil untuk memastikan bahawa kebajikan pelajar terjaga", tambah Omar lagi.

Rakan arwah, Amirul Azfar, mengatakan bahawa arwah merupakan sahabat yang baik dan suka berlawak dengan rakan-rakannya.

"Arwah Izzamir ialah seorang sahabat yang suka berlawak dengan rakan-rakannya. Kadang-kala kami tetap akan ketawa melihat arwah walaupun dia dalam keadaan serius", jelasnya kepada Berita Kampus.

Detik cemas sebelum bas terbalik



Pensyarah Pusat Pengajian Kejuruteraan dan Sumber Mineral, Dr Mohd Hazizan Mohd Hashim ketika ditemubual di Lapangan Terbang Bayan Lepas Pulau Pinang menceritakan detik-detik cemas sebelum kemalangan berlaku. GAMBAR OLEH NABILAH MAD ZOM

Rombongan ke Aceh yang diadakan oleh Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan dan Sumber Mineral Kampus Kejuruteraan Universiti Sains Malaysia (USM) kali ini pulang dengan tragedi. Kejadian ini berlaku setelah bas yang mereka naik terlibat dalam satu kemalangan dan menyebabkan seorang pelajar meninggal dunia.

Kemalangan yang melibatkan seramai 25 orang siswa-siswi dan staf USM terjadi semasa mereka dalam perjalanan pulang selepas melawat lombong arang batu. Pedal brek yang tidak berfungsi menyebabkan bas yang mereka naik melanggar tebing sebelum terbalik.

Menurut Pensyarah Pusat Pengajian Kejuruteraan dan Sumber Mineral, Dr Mohd Hazizan B. Mohd Hashim, kejadian berlaku sangat pantas dan sebelum kamalangan beliau yang kebetulan berdekatan dengan tempat pemandu bas melalui detik cemas sebelum bas terbalik.

"Selepas selekoh terakhir yang tajam dan juga curam dan kebetulan saya berada di bahagian hadapan sebelah pemandu mendengar pemandu menjerit perkataan ceper dalam Bahasa Tamil yang bermaksud break tidak berfungsi dan selepas kereta yang pertama bas terus melanggar tebing dan terbalik. Dua orang tercampak keluar iaitu saya sendiri dan pemandu bas dan terjatuh di atas tebing yang saya rasa dalam 12 kaki tinggi sebelum saya memanjat ke atas jalan raya untuk meminta pertolongan daripada orang kampung yang berdekatan", katanya.

"Penumpang yang mengalami kecederaan teruk berada di bahagian hadapan, belakang dan bahagian tengah cuma mengalami calar dan lebam sahaja. Dalam keadaan malam dan berkabus oleh kerana kawasan pergunungan, saya rasa kecekapan pemandu bas banyak membantu kerana pada masa tersebut jika tidak dikawal dengan betul boleh mnyebabkan bas jatuh ke dalam gaung dan boleh mengakibatkan lebih banyak kematian" , ujar Hazizan lagi.

" Allhamdulillah seramai 23 orang siswa-siswi dan staf daripada Pusat Pengajian Kejuruteraan Sumber Mineral Kampus Kejuruteraan USM telah selamat tiba daripada Aceh memalui penerbangan Firefly. Mereka kini sedang mendapatkan pemeriksaan oleh pakar perubatan daripada Pusat Sejahtera Kampus Induk dan juga IPPT Bertam. Kebanyakan mereka sihat dan 3 orang iaitu dua staf dan seorang pelajar yang mengalami kecederaan agak teruk dibawa ke hospital untuk rawatan lanjut", kata Naib Canselor USM, Profesor Dato' Omar Osman, ketika ditemubual di lapangan terbang Bayan Lepas Pulau Pinang.

Pemandu menjerit perkataan ceper dalam Bahasa Tamil yang bermaksud break tidak berfungsi dan selepas kereta yang pertama bas terus melanggar tebing dan terbalik.

Pemergian Botam tinggalkan kesan kepada rakan

Pemergian Allahyarham Muhamad Izzamir Nabihan A. Majid, 23, siswa Kejuruteraan Bahan dan Sumber Mineral (KBSM), Universiti Sains Malaysia (USM), meninggalkan kesan kepada teman rapat. Muhamad Izzamir adalah seorang siswa yang aktif, ringan tulang dan selalu menghulurkan bantuan.

Menurut teman rapat arwah, Muhammad Firdaus Abdul Hamid, arwah adalah seorang pelajar yang sering membantu pensyarah dan sentiasa ceria.

"Botam adalah kawan yang selalu bagi kawan-kawan dia ketawa dan saya yakin dalam kelas nanti akan lebih senyap sebab kami dah kurang satu pelawak yang sentiasa bagi kelas kami ceria" , katanya.

Arwah yang juga dikenali sebagai botam oleh kebanyakan siswa-siswi USM tidak kira kampus induk kejuruteraan mahupun Kesihatan oleh disebabkan sebuah video parodi yang dikeluarkan semasa pilihan raya kampus sidang 2014/2015.

"Video itu menjadi viral di setiap cawangan kampus USM dan menjadikan arwah sangat dikenali. Pemergian arwah amat mengejutkan seluruh siswa-siswi USM terumanya teman rapat dan pensyarah PPKBSM", tambahnya lagi.

Pensyarah PPKBSM iaitu Dr Mohd Hazizan Mohd Hashim, berkata beliau mewakili semua pensyarah dan siswa-siswi PPKSMB mengucapkan takziah atas pemergian kepada ahli keluarga arwah.

Arwah juga aktif dalam permainan ragbi dan sering kali mewakili USM keperingkat universiti. Selain itu, menurut Fidaus, arwah adalah seorang anak yang baik dan tidak suka membebankan ibu bapanya.

"Keluarga arwah bukanlah susah sangat, tapi dia jenis anak yang tidak suka susahnya ibu bapa dia, dia gunakan duit pinjaman PTPTN dia untuk bayar yuran kelas tuisyen adik dia sebab dia rasa itu salah satu daripada tanggungjawab dia", ujar Firdaus lagi.

Bagi Amirul Azfar Kamaruzzaman, arwah adalah seorang yang senang didekati dan sangat komitmen dalam setiap kerja yang dilakukannya.

"Arwah pernah jadi pengarah projek untuk Kejohanan Ragbi sidang 2014/2015, memang dia seorang ketua yang bagus dan menjalankan kerja dengan bagus", katanya.

UNIC Leisure usaha baiki perkhidmatan bas komuter USM

Oleh **DEBRA WONG SER LIN**

Syarikat bas UNIC Leisure telah berusaha meningkatkan mutu perkhidmatan bas komuter USM dengan menjalankan satu tinjauan terhadap keadaan bas, sikap staf dan jadual perjalanan bas pada hujung semester yang lepas.

Menurut ketua bahagian kewangan UNIC Leisure, En. Anas Akmal Arshad, keadaan bas telah diberikan markah sebanyak 79 peratus manakala sikap staf telah diberikan markah sebanyak 73 peratus. Peratusan tersebut diperoleh melalui borang soal selidik yang telah diedarkan kepada 1,959 orang siswa-siswi USM daripada pelbagai tahun serta pusat pengajian.

"Kategori keadaan bas dalam tinjauan tersebut merangkumi soalan-soalan tentang keadaan bas, jenis bas, keselamatan bas dan kesesuaian bas manakala kategori sikap staf pula merangkumi sikap, kemahiran memandu dan kemesraan pemandu bas," jelas En Anas.

Tambah En. Anas, untuk sebuah lagi kategori yang ditinjau, iaitu perkhidmatan yang meliputi soalan-soalan tentang jadual perjalanan bas, laluan bas, jumlah bas dan ketepatan masa bas, jumlah peratusan yang diperoleh sekadar memuaskan, iaitu 59 peratus sahaja.

"Oleh itu, kami telah membuat jadual bas komuter yang baru untuk pemandu-pemandu bas agar bas boleh sampai di perhentian-perhentian bas dengan lebih cepat dan kerap," ulas En. Anas.

Menurut Nur Fazreena Baharuddin, Sains Kemasyarakatan 2, perkhidmatan bas pada semester ini telah bertambah baik berbanding tahun pertama pengajiannya.

"Pada tahun lepas, bas komuter USM nampaknya selalu datang lambat tetapi sekarang keadaan telah berubah di mana bas kebiasaannya datang tepat pada waktunya," jelasnya.

Nurfarahah Ahmad, Sains Kemasyarakatan 1, turut mengulas bahawa perkhidmatan bas USM yang digunakannya setakat ini baik tetapi susah didapati pada sesetengah masa.

Untuk menambah baik mutu perkhidmatan bas komuter USM, En. Anas turut cadangkan bahawa siswa-siswi boleh mengemukakan usul melalui Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) USM untuk penambahan bas agar UNIC Leisure boleh meningkatkan lagi kekerapan bas di kawasan universiti.

"Pada masa ini, kontrak yang diberikan kepada kami oleh USM adalah setakat 10 bas sahaja. Oleh itu, saya galakkan siswa-siswi untuk mengusulkan pertambahan bas kepada pihak berkuasa USM sekiranya ada keperluan sedemikian kerana merekalah yang mempunyai hak untuk membuat permintaan tersebut kepada universiti," jelas En. Anas.

DESASISWA TEKUN

Desasiswa Tekun henti terima bungkusan pos

Masalah tempat penyimpanan yang terhad dan masalah kehilangan adalah punca kepada keputusan Desasiswa Tekun berhenti terima bungkusan pos mulai 23 Mac ini.

Menurut Penggawa Desasiswa Tekun, Dr Nazarudin Zainun, jumlah bungkusan barangan yang meningkat dan saiz barangan yang besar menyebabkan pejabat desasiswa menghadapi masalah penyimpanan barang.

"Kami menerima dua kali penghantaran di sebelah pagi dan petang. Sebelum ini kami menerima bungkusan barangan dengan jumlah yang sedikit. Kini, sekali penghantaran minimum 50 bungkusan barangan yang kami terima. Dalam masa seminggu sahaja sudah beribu. Bungkusan barangan yang digunakan juga adalah barangan yang beratnya sehingga 30 kilogram dan kami tiada ruang untuk meletakkan barang sebesar itu", katanya.

Beliau juga menyatakan bahawa Desasiswa Tekun telah banyak menerima aduan tentang masalah kehilangan bungkusan barangan. Hal ini demikian kerana jumlah bungkusan barangan yang tidak terkawal.

"Staf kami hanya terdiri daripada 5 orang sahaja untuk menerima dan merekod beribu-ribu bungkusan barangan yang sampai. Pada ketika ini, akan ada kejadian seperti tersalah letak bungkusan barangan, terlepas pandang dan tercicir. Maka, staf kami akan dipertanggungjawabkan untuk menggantikan semula barangan yang hilang. Sedangkan pengiriman bungkusan barangan tersebut langsung tidak menguntungkan kami tetapi peniaga", jelasnya lagi.

Beliau juga menegaskan bahawa kebanyakan daripada bungkusan barangan yang diterima oleh siswa-siswi langsung tidak berkaitan dengan pelajaran seperti alat-alat ganti kereta dan motosikal.

Thenmoli Tamil Veeran, Ilmu Pendidikan 2 berkata beliau berasa kecewa dengan keputusan pemberhentian ini kerana menyukarkan beliau untuk mengambil bungkusan barangan di desasiswa yang dirasakan sangat dekat.

"Saya merasakan pejabat Desasiswa Tekun adalah yang paling dekat dan memudahkan untuk menerima sebarang bentuk barangan yang diposkan kepada saya. Hal ini sedikit sebanyak mengecewakan saya", katanya.

Nazarudin berkata tiada isu kesukaran mendapatkan bungkusan barangan di desasiswa kerana siswa-siswi sebagai pengguna perlu tahu akan kelebihan mereka apabila menggunakan perkhidmatan ini.

"Siswa-siswi masih boleh menerima kad pemberitahuan untuk mengambil bungkusan barangan di pejabat pos berdaftar tersebut atau mereka sendiri boleh menghubungi untuk menerima bungkusan pada masa dan tempat yang ditetapkan", jelasnya lagi.

Beliau juga menyatakan bahawa faktor lain yang menyumbang kepada jumlah bungkusan barangan yang semakin meningkat sehingga menghadapi masalah tempat penyimpanan barang adalah sikap siswa-siswi yang menyalahgunakan alamat desasiswa rakan sebagai tempat penghantaran.

Lif rosak sukarkan penghuni Desasiswa Tekun

Kerosakan lif untuk tempoh yang lama di Desasiswa Tekun, Universiti Sains Malaysia (USM) menimbulkan masalah kepada penghuni desasiswa tersebut.

Menurut Thenmoli Tamil Veeran, Ilmu Pendidikan 2, dia terpaksa menunggu lama untuk lif ketika bergesa ke kelas terutama pada waktu pagi.

"Saya menunggu lebih 15 minit untuk menaiki lif kerana ramai orang yang menggunakannya terutama pada pukul 8.00 pagi dan 2.30 petang. Hal ini menyebabkan saya lewat ke kelas. Saya terpaksa menaiki lif sambil berebut-rebut dengan penghuni yang lain", kata Thenmoli.

Thenmoli berkata walaupun hanya satu lif yang mengalami kerosakan sejak semester baru dibuka namun lif-lif lain juga sering mengalami kerosakan sementara yang dibaiki dari masa ke masa. Keadaan ini menyebabkan penghuni mengalami masalah ketika hendak menggunakan lif.

Menurut Penggawa Desasiswa Tekun, Dr. Nazarudin Zainun di blok MO6 hanya ada satu lif yg rosak.

"Kami telah menghubungi syarikat berkenaan iaitu Antah Kontrakor pada 2 Mac 2015 dan 3 Mac 15. Maklum balas yang diterima ialah syarikat berkenaan tidak cukup alat ganti untuk datang memperbaiki lif berkenaan. Pada jam 8.20 pagi 12 Mac 15, pengurusan desasiswa telah hubungi semula syarikat itu untuk mohon penjelasan dan mohon agar tindakan segera diambil oleh syarikat tersebut. Saya berharap masalah ini dapat diselesaikan secepat mungkin", tambah Nazarudin lagi.

CDH USM himpun kepakaran pereka

Universiti Sains Malaysia (USM) telah menubuhkan Pusat Seni Reka Kreatif atau lebih dikenali sebagai Creative Design House (CDH) yang mula beroperasi sejak Januari 2015 yang lalu.

CDH ialah sebuah pusat perkhidmatan seni kreatif dan reka bentuk yang menghimpunkan 38 orang pereka di Kampus Induk USM. Namun setakat ini hanya 13 orang sahaja yang baru menyertai CDH.

Menurut Pegawai Seni Reka CDH, Mohd Murad Shahiran, CDH ialah tempat berkumpul pakar dalam reka bentuk kreatif multimedia, reka bentuk penerbitan, reka bentuk korporat, dan domain reka bentuk digital yang menyediakan perkhidmatan seni reka kreatif kepada warga USM.

Selain itu, CDH juga berfungsi sebagai pusat sehenti yang menawarkan perundingan kepada komuniti luar dalam bidang pengiklanan serta kerja-kerja Konsultansi lain dalam bidang grafik dan percetakan, penerbitan video korporat, pembikinan reka bentuk korporat kotak pembungkusan, penjenamaan logo dan lain-lain lagi.

Murad turut menyatakan bahawa ramai pihak yang keliru dengan skop tugas CDH dengan bahagian lain terutama Pusat Media USM.

"Untuk menerangkan secara jelas siapa CDH, kami sering menekankan penggunaan frasa reka bentuk kreatif. Hal ini secara tidak langsung jelas menunjukkan perbezaan pusat ini di USM", katanya.

Beliau turut berkongsi kesan baik yang diterima pihak CDH selepas ia ditubuhkan, antaranya dengan terkumpulnya pereka-pereka sekitar USM, maka kerja-kerja mereka akan menjadi lebih sistematik dan seimbang serta progresif. Selain itu, akan berlaku penjimatan kos secara efektif dengan menggunakan sepenuhnya bakat pereka-pereka tersebut.

"Apabila sudah berkumpul, maka akan berlaku sesi perkongsian kepakaran antara pereka. Ia sebagai landasan dan peluang terbaik untuk pereka mempelajari kemahiran yang kurang mahir dengan pereka lain. Justeru, perkara ini sejajar dengan elemen yang terdapat dalam APEX fasa 2 elemen iaitu menerapkan kerjasama antara kakitangan USM", ujarnya lagi.

Seiring dengan tujuan utama penubuhan CDH iaitu sebagai pusat perkhidmatan dalam bidang reka bentuk kreatif kepada komuniti luar, sekaligus dapat merapatkan jurang antara universiti dengan komuniti melalui reka bentuk.

"CDH amat gembira dapat menyalurkan kepakaran kepada masyarakat luar terutama dengan masyarakat luar bandar yang memerlukan khidmat kami terutama dalam bidang perniagaan seperti mereka bentuk pembungkusan produk dan iklan promosi", tambah Murad lagi.

Beliau berharap agar CDH maju dan terus memberikan khidmat yang terbaik kepada USM dan komuniti luar.

CDH amat mengalu-alukan semua pihak yang ingin mendapatkan khidmat mereka dan boleh melayari cdh.usm.my untuk maklumat lanjut.

Dengan terkumpulnya pereka-pereka sekitar USM, maka kerja-kerja mereka akan menjadi lebih sistematik dan seimbang serta progresif. Selain itu, akan berlaku penjimatan kos secara efektif dengan menggunakan sepenuhnya bakat pereka-pereka tersebut.

Sedia ambil guru bahasa asing yang baru

Pusat Pengajian Bahasa Literasi dan Terjemahan (PPBLT) sedia ambil guru bahasa asing yang baru jika permintaan tinggi daripada siswa-siswi namun terpaksa menghadapi risiko.

Menurut Dekan PPBLT, Prof. Madya. Dr Tengku Sepora Tengku Mahadi pengambilan guru bahasa asing perlu melalui satu proses yang rumit dan mengambil masa yang lama untuk memastikan guru yang diambil berkualiti.

“Risiko yang dihadapi ialah guru telah diambil tetapi permintaan daripada siswa-siswi semakin menurun. Situasi ini akan merugikan pengurusan universiti kerana telah menggaji tenaga pengajar untuk kursus tersebut”, katanya.

“Jumlah siswa-siswi yang mendaftar kursus LAK100 (Bahasa Korea) meningkat kebelakangan ini sehinggakan guru terpaksa menghadkan jumlah siswa-siswi yang boleh mengikuti subjek itu”, ujarnya.

Menurut beliau peningkatan jumlah siswa-siswi yang mendaftar kurus ini berkemungkinan seiring dengan budaya ‘K-pop’, namun dikuatiri selepas budaya ini semakin kurang popular permintaan daripada siswa-siswi juga berkurangan.

“Semasa budaya Jepun popular dahulu, situasi ini turut terjadi, permintaan daripada siswa-siswi meningkat mendadak, Namun selepas bilangan guru bertambah, permintaan semakin berkurangan sehinggakan merugikan pengurusan”, tambahnya.

“Setiap guru boleh mengajar 15 hingga 18 jam seminggu, dianggarkan empat kumpulan boleh dibentuk, jumlah ideal bagi setiap kumpulan ialah 15 hingga 20 orang. Jumlah yang tidak terlalu ramai akan menjadikan proses pembelajaran lebih berkesan”, jelasnya.

“Walau bagaimanapun, disebabkan permintaan yang berlebihan bagi kursus bahasa tertentu guru dibenarkan mengambil maksimum 25 orang ”, katanya kepada Berita Kampus.

Kini, dua guru yang mengajar LAK100 iaitu Helena Lee dan Kim Hyun Sook. Kim Hyun Sook juga guru bahasa Jepun membantu Helena Lee menampung jumlah siswa-siswi yang ramai.

Selain LAK100, LAS100 (Bahasa Thailand) dan LAP100 (Bahasa Perancis) juga antara kursus bahasa asing yang digemari siswa-siswi.

“Saya sarankan siswa-siswi ambil peluang dapatkan bahasa ketiga atau keempat untuk jadikan kelebihan dan boleh digunakan pada masa akan datang. Bukan sahaja dapat bertutur dan membaca dalam bahasa asing malah dapat turut memahami budaya sesuatu bangsa”, katanya.

PPBLT juga turut menawarkan kursus LAA - Bahasa Arab, LAC - Bahasa Cina, LAE - Bahasa Sepanyol, LAG - Bahasa Jerman, LAJ - Bahasa Jepun dan LAT - Bahasa Tamil dari tahap 100 hingga 400.

Register LHP456 manually

Students of Universiti Sains Malaysia (USM) who would like to take LHP456 Spoken English as one of their courses have to go to the School of Languages, Literacies and Translation (SoLLaT) to register the course.

In this semester, LHP456 is not available on campusonline for students to register before semester reopens. Students have to go to SoLLaT to register themselves during the first week of semester.

According to the Dean of SoLLaT, Prof. Dr Tengku Sepora Tengku Mahadi, the reason they decided to make such move is due to the online system which could not allow students to choose the group and time they wanted.

“This causes many students to add and drop courses early in the semester because they realised the timetable clashing with another courses, or the group is already full”, she said.

“This further makes teachers difficult to confirm the number of students early and they will have difficulties to find classrooms if the students requested to change the time”, added Dr Tengku Sepora.

She does not encourage students to register the course at SoLLaT on behalf of their friends.

“This is because we would like to avoid students who did not attend the lectures, claiming that they did not know they’ve registered the course, when in fact their friends registered for them”, she added.

Asking about whether the same registration procedures continues in the coming semester, Dr Tengku Sepora said the school has not decided yet.

“It depends on the efficiency of the procedure. If registration at SoLLaT found to be more efficient, we’ll make the same thing in the coming semesters. If registration through *CampusOnline* and SoLLaT has no much difference in efficiency, we’ll allow students to register through campusonline again”, she explained.

Penerbit USM rintis e-buku

Oleh **MICHELE NG HENG KIM**

Penerbit Universiti Sains Malaysia (USM) menjadi perintis dalam memasarkan e-buku terbitan mereka pada tahap antarabangsa.

“Penerbit USM adalah penerbit universiti pertama yang berjaya sampai ke tahap ini iaitu penerbitannya boleh dijual secara e-buku”, kata Pengarah Penerbit USM, Tuan Haji Akhiar Salleh.

Pada awal 2014, e-buku terbitan Penerbit USM hanya boleh didapati di Malaysia melalui laman web e-sentral. E-buku tersebut kini boleh didapati di seluruh dunia melalui Google Play dan Amazon sejak akhir tahun 2014.

“Sekarang, Penerbit USM melalui aggregrator, Trajectory yang berpusat di Amerika Syarikat membekalkan e-buku kita kepada Google dan Amazon”, jelas beliau lagi.

Tuan Haji Akhiar turut menambah kebanggaan Penerbit USM adalah kini buku terbitan mereka dibeli negara luar melalui Amazon Amerika Syarikat, Jerman, Spain dan Britain, Apple dan 3M.

“Biasanya kalau kita ingin memasarkan buku yang biasa iaitu dicetak ke luar negara, ia adalah sangat sukar tetapi melalui e-buku, ia lebih mudah dicapai”, kata beliau kepada Berita Kampus.

Tuan Haji Akhiar juga menekankan bahawa kejayaaan ini adalah peluang untuk golongan akademik di USM untuk berkarya dan karya mereka diedarkan dan boleh diperolehi di seluruh dunia.

“Fokus kita di sini bukan berapa banyak buku yang boleh dijual tetapi berapa jauh buku kita boleh sampai. Kita tidak mengutamakan keuntungan tetapi visibiliti karya kita”, tambahnya.

Tambahan pula, perjanjian dengan Trajectory melibatkan Digital Right Management (DRM) yang memberikan keselamatan tambahan dari segi pembekalan dan penjualan e-buku.

“Sekiranya kita membeli e-buku dari Google, fail tersebut hanya boleh dibaca di gadget tersebut dan tidak boleh dipindahkan”, ujarnya lagi.

Sekarang, terdapat lebih 100 tajuk di pasaran yang meliputi buku terbaru dan buku dari backlist yang boleh didapati dalam bentuk e-buku.

Menurut Tuan Haji Akhiar, peralihan ke e-buku adalah disebabkan trend dan perubahan teknologi masyarakat hari ini.

“Trend sekarang adalah generasi muda jarang ke perpustakaan. Sebagai contoh, siswa-siswi hari ini lebih suka membaca daripada gadget yang dimiliki seperti iPad, telefon bimbit dan komputer riba berbanding membeli buku dalam bentuk fizikal”, kata beliau.

Beliau juga berkata bahawa perubahan dalam teknologi amat cepat dan ciri-ciri e-buku pada hari ini akan berubah pada masa depan.

“Format epub yang biasa diguna hari ini mungkin berbeza beberapa tahun akan datang. Perbezaan ini perlu kerana gadjet dan teknologi akan sentiasa berubah”, ujarnya lagi.

Tuan Haji Akhiar juga berharap Penerbit USM dapat menambahkan pengetahuan dan kemudahan mereka seiring dengan perubahan tersebut agar lebih banyak e-buku boleh diterbitkan. Beliau juga berharap agar USM, pengarang dan staf akademiknya boleh diketahui dunia.

“Harapan saya adalah satu hari nanti, kita tidak memerlukan stor buku yang besar dan buku kita boleh dibeli di negara luar. Ini memberi peluang kepada pensyarah kita untuk mengedarkan pengetahuan, hasil kajian dan penyelidikan mereka kepada kelompok di luar”, tambah beliau.

Perpustakaan bergerak tingkat budaya membaca

Persatuan Bahasa Tionghua Universiti Sains Malaysia (PBT USM) kini menyediakan perpustakaan bergerak untuk memudahkan siswa-siswi USM membaca.

Menurut Pengarah Projek, Lai Li Ching berkata perpustakaan bergerak PBT beroperasi selama tiga minggu pada setiap Rabu dan Khamis mulai 11 Mac 2015. Pada hari Rabu, perpustakaan bergerak disediakan di DK Foyer manakala hari Khamis beroperasi di Desasiswa Tekun.

“Setiap kali kami akan menyediakan 30 buah buku bahasa Mandarin untuk pinjaman ahli. Kebanyakan genre buku adalah fiksyen, dokumentari melancong dan dorongan mental yang bersifat lebih santai”, katanya.

“Siswa-siswi USM hanya perlu membayar RM1.00 sebagai yuran pendaftaran untuk menjadi ahli perpustakaan PBT. Sepanjang tempoh pembelajaran di USM, sebarang pinjaman buku PBT adalah percuma tanpa had. Layarilah laman web kami www.itushuzu.com untuk melihat senarai buku yang boleh dipinjam, lanjutan tempoh pinjaman turut boleh dibuat secara talian”, tambah Lai.

Tujuan operasi perpustakaan bergerak adalah untuk meningkatkan budaya membaca dan menyediakan satu platform bagi siswa-siswi USM yang tahu membaca dalam bahasa Mandarin.

“Setakat ini, sambutan daripada siswa-siswi USM masih memuaskan. Lebih kurang 50% buku akan dipinjam setiap kali kami beroperasi. Kami juga menyediakan perkhidmatan memulang buku semasa perpustakaan bergerak beroperasi. Jika peminjam buku tidak kesempatan berjumpa dengan kami pada waktu operasi, kami boleh mengutip buku daripada mereka secara peribadi”, tambah Lai.

Walau bagaimanapun, Unit Perpustakaan PBT menghadapi masalah untuk menguruskan simpanan buku yang melebihi 1000 buah kerana ruangan persatuan di Tingkat 3 Kompleks Cahaya Siswa telah ditutup.

“Kami terpaksa menyimpan buku-buku dalam bilik desasiswa dan rumah ahli yang berada di Pulau Pinang”, ujar Lai.

Salah guna lokar PHS1

Segelintir siswa-siswi Universiti Sains Malaysia (USM) menyalahgunakan kemudahan lokar yang disediakan di Perpustakaan Hamzah Sendut 1 (PHS1), USM.

Menurut Pembantu Perpustakaan S17, Mohd Naim Salis, siswa-siswi hanya dibenarkan untuk menyimpan barangan mereka dalam lokar tidak melebihi 24 jam. Namun, masih ada yang membiarkan barangan mereka terkunci dalam lokar selama dua hingga tiga hari.

“Staf PHS1 tidak pernah mengambil sebarang tindakan terhadap siswa-siswi berkenaan malah membiarkan barangan mereka di dalam lokar berkenaan walaupun untuk tempoh masa yang panjang. Jikalau barangan masih tidak dituntut dalam masa enam bulan, pekerja am perpustakaan akan menyimpan barang tersebut di tempat yang selamat”, tambahnya lagi.

Mohd Naim juga menjelaskan bahawa tindakan segelintir siswa-siswi yang kurang bertanggungjawab menyukarkan pengguna lain untuk menyimpan barangan mereka kerana kekurangan lokar dan ada juga yang membuang sampah sarap ke dalam lokar berkenaan.

“Walaupun tiada sebarang tindakan yang dikenakan namun siswa-siswi tidak boleh bertindak sewenang-wenang dengan menyalahgunakan kemudahan yang disediakan. Mereka sepatutnya menggunakan kelonggaran yang telah diberikan dengan sebaik mungkin dan memikirkan kepentingan pengguna lain,” katanya lagi.

Menurut Azyan Fatini Abdul Rahim, Ilmu Pendidikan 2, tindakan segelintir siswa-siswi USM yang tidak menghargai kemudahan lokar ini mewujudkan rasa kurang selesa dalam kalangan pengguna lain apabila lokar yang digunakan dipenuhi dengan sampah sarap.

“ Siswa-siswi seharusnya bertanggungjawab dan prihatin terhadap kemudahan lokar yang disediakan di PHS1 untuk kebaikan bersama”, tambahnya.

Mohd Naim menggalakkan pengguna PHS1 untuk menyewa lokar yang akan dikenakan caj sebanyak RM10 untuk setiap semester.

“Jika siswa-siswi menyewa lokar, maka mereka tidak akan mengalami sebarang kesukaran untuk menyimpan barangan sekaligus dapat menyimpan kunci lokar tersebut sepenjang tempoh penyewaan iaitu selama satu semester. Sesiapa yang merminat boleh menghubungi Bahagian Sirkulasi PHS1 untuk tindakan yang selanjutnya”, tambah Naim.

Life is an oyster

The oyster growing project under Knowledge Transfer Programme (KTP) funded by Division of Industry and Community Network (BJIM), Universiti Sains Malaysia (USM) has successfully improve the living style of local communities.

The fishing communities in Malaysia are currently facing problems in getting enough fish to sustain their family.

"The population in Malaysia has increased tremendously over the past twenty years and the demand of food is rising year by year. Together with the pressure of climate change in the ocean, these factors have led to the gradual depletion of fish in the wild", the project leader of "Penjanaan Pendapatan Melalui Penternakan Tiram di Merbok, Kedah", Associate Professor Aileen Tan Shau Hwai from School of Biological Sciences explained.

More than 90% of the fishermen received a monthly income of less than RM350 per month. Hence, there is a need for alternative livelihood and the reason oyster farming is introduced.

Oyster farming is easy to handle, does not pollute the environment and fetches good price. They are more beneficial compared to prawn and fish culture.

According to Associate Professor Aileen, prawn and fish culture is more expensive and pollutes the environment.

"60% of the money from the harvest of prawn and fish will be used on food. You will earn 40% only. When you are feeding them, the environment will be polluted because the food not consumed will go into the water, becoming nutrients and cause algae bloom", she explained.

"Oysters are filter feeders which means they rely on natural food, phytoplankton. No feed is required for the oyster to grow", Associate Professor Aileen added.

Oyster farming techniques are very simple and the knowledge of the technology used can be easily introduced to local communities. Low technology and low labour are all that is required and can be easily accomplished.

"This aquaculture can be done on a part-time basis. This means local communities can still be involved in their daily activities, such as fishing or farming in the morning and handle the oyster culture in the afternoon", she explained.

The local communities simply need to periodically shake the oysters on the holding trays, remove algae and other fouling organisms, which can restrict the flow of water and food organisms and grade the oysters.

Initially, oyster farming has been introduced by the Department of Fisheries Malaysia who was working together with the Bay of Bengal Programme (BOBP) and the International Development and Research Center (IDRC) from 1988 to 1993.

"They provide financially to four countries- Malaysia, Indonesia, Thailand and Philippines. They teach the scientist as well as the farmer on the general biology, reproduction and breeding on oysters", she said.

However, during that time, most of the seeds are obtained from the wild. Due to the loss of mangroves and water pollution, seeds are limited.

"Expansion of the oyster farming industry in Malaysia could be faster if not for the limited seed supply", Associate Professor Aileen added.

Guidance from both BOBP and IDRC experts focuses on seed collection from the wild and oyster farming by coastal farmers but there is constraint in production and marketing.

"If you look at our current statistics of oyster trade, 14% of consumption is local oysters but 86% is imported oyster. The question asked is if our local oyster the problem", she explained.

Associate Professor Aileen said that the solution to insufficient seeds is hatchery produced seeds.

"Hatchery produced seeds are high quality and consistent in supply. The industry has come out with hatchery where farmers can buy the seeds and grow them", she said.

Through the KTP, the Malaysian Government will transfer the support funding to USM. USM will work hand-in-hand with the local community in oyster farming.

"We provide the raw material and do it together so that next time, when they have the money, they can do it on their own even when USM is no longer involved. They will know how to survive", she said to Berita Kampus.

Several USM postgraduate students are also involved to work together and guide the fishing communities.

"The students involved in this program were able to work closely with the local communities and they are now been sensitised to the living standards of the local communities and appreciate the enthusiasm displayed by the local communities", she added.

USM also managed to match make the local communities with potential buyers and seed suppliers ensuring the oysters harvested will be sold at reasonable price. The farmers can fetch an income in the range of RM3000 to RM4000 if the season is good.

This project has been selected as a flagship project and is to be duplicated in other community. The project has taken place at Kuala Muda and Pulau Ketam aside from Merbok.



Hard work paid off when oysters are harvested successfully. Photo credit: Associate Professor Aileen Tan Shau Hwai

USM terokai bidang sains penuaan

Oleh NURUL KHAIRIAH MOHAMED YUSOF

Bidang Sains Penuaan menjadi fokus utama dalam kerjasama antara Universiti Saina Malaysia (USM) dan Institut Penyelidikan Nasional Jepun (RIKEN). Kolaborasi dua entiti besar ini telah melahirkan Pusat Penyelidikan Sains Penuaan Antarabangsa (URICAS) yang bertempat di USM. Bidang ini mengkaji asas genetik yang terdapat dalam asid deoksiribonukleik (DNA) bagi menentukan jangka hayat hidupan.

Menurut Profesor Dr. Mohd Nazalan Mohd Najimudin, ketua penyelidik di URICAS, bidang sains penuaan membolehkan para saintis mengkaji segala bentuk perubahan pada organisma dalam proses semulajadi biologi. Salah satu daripada perubahan tersebut ialah proses penuaan.

"Setiap daripada kita akan melalui proses penuaan dan badan melalui segala perubahan mengikut masa. Masa dalam konteks ini ialah sebahagian proses biologi yang menentukan jangka hayat manusia. Seiring dengan perkembangan ini juga, akan ada beberapa kesan sampingan yang tidak boleh dielakkan seperti sakit tua, Alzheimer, Parkinson dan penyusutan sistem imuniti tubuh," jelasnya kepada Berita Kampus.

Tambahnya lagi, URICAS juga berusaha untuk mengkaji gen-gen yang terdapat dalam buah-buahan dan haiwan yang boleh diubah suai bagi menghasilan formula memperlahankan penuaan. Namun begitu, proses penyelidikan mereka masih berada pada fasa pembentukan idea dan cadangan daripada pasukan penyelidik.

"Faktor pemakanan memainkan peranan penting kerana terdapat gen-gen tertentu yang boleh bertindak dengan sistem tubuh bagi menghasilkan sistem imun yang lebih kukuh. Kita boleh mengkaji sejauh mana faktor pemakanan memberi kesan kepada organisma. Sebagai contoh di negara ini yang kaya dengan biodiversitinya, kita boleh melihat sejauh mana ulam-ulaman membantu melambatkan proses penuaan seseorang atau mengekalkan sistem imunnya dengan lebih lama", katanya lagi.

Nazalan juga berkata, contoh yang disebutkan memberi gambaran bahawa proses penuaan disebabkan oleh dua faktor utama iaitu dalaman (gen) dan luaran (pemakanan). Jika kedua-dua faktor ini digabungkan, hasilnya boleh merungkai rahsia yang mampu memanjangkan hayat organisma.

Nazalan menambah lagi, untuk memastikan URICAS mencapai matlamatnya, mereka telah menyediakan perancangan rapi yang melihat potensi yang boleh diperoleh daripada bidang sains penuaan ini. Aspek utama yang diambil kira ialah penyelidik senior yang berpengalaman daripada RIKEN, pelan penyelidikan berfokus dan penyelidik muda berpotensi tinggi.

"Pasukan penyelidik kami terdiri daripada 10 orang pelajar pasca-siswazah dan 10 orang saintis penyelidik dari RIKEN. Keputusan kami untuk mengambil pelajar sebagai penyelidik adalah untuk menyediakan platform kepada mereka membina asas yang kukuh dalam bidang penyelidikan. Latihan penyelidikan akan diadakan selama tiga bulan pada setiap tahun di makmal RIKEN di Tokyo, Jepun," katanya lagi.

Jelasnya, USM memilih para pelajar yang terbaik dalam bidang penyelidikan genetik untuk diserapkan ke dalam program URICAS supaya menyediakan mereka menjadi penyelidik bertauliah. Tambahnya lagi, sesi perbincangan sering diadakan bagi membolehkan penyelidik tampil dengan cadangan penyelidikan yang boleh dibawa ke peringkat seterusnya.

"USM memberikan dana berjumlah RM1 juta kepada URICAS untuk membantu membangunkan fasiliti penyelidikan dan melatih pelajar penyelidik dengan lebih berkesan. Dengan dana ini juga, kami dapat memberikan peluang kepada pelajar menjalankan latihan selama tiga bulan di makmal RIKEN di Jepun," jelasnya lagi.

Tambah beliau lagi, hasil penyelidikan oleh URICAS diharapkan boleh menyediakan asas kukuh dalam memahami proses penuaan dan bermanfaat kepada masyarakat dalam memberikan formula memperlahankan penuaan.

Utamakan kesihatan ketika cuaca panas

Penjagaan kesihatan sangat penting terutamanya ketika cuaca panas. Pengarah Pusat Sejahtera, Dr Normala Abdul Majid menyatakan terdedah kepada cuaca panas boleh mengakibatkan pelbagai penyakit. Langkah pencegahan perlu diambil untuk mengelakkannya.

"Penyahhidratan, berpeluh dengan banyak dan penyakit kulit adalah antara penyakit yang boleh dialami siswa-siswi jika tidak mengambil langkah pencegahan", kata Dr Normala.

Yap Wan Chi, Ilmu Pendidikan 3, menyatakan sepanjang musim panas, dirinya mengalami masalah batuk-batuk dan sakit kerongkong.

"Bukan hanya saya seorang yang sakit, teman sebilik saya juga demam", tambah Yap.

Langkah pencegahan perlu diambil untuk mengelakkan penyakit seperti demam dan batuk. Dr Normala menyarankan supaya minum air yang secukupnya iaitu sekurang-kurangnya lapan gelas sehari.

Beliau turut menyarankan supaya siswa-siswi meminum air isotonik untuk menggantikan garam yang hilang akibat perpeluhan yang banyak. Selain itu, siswa-siswi juga boleh mengehadkan aktiviti luar dan berpakaian longgar serta berwarna terang.

"Penggunaan kipas atau pendingin hawa juga dapat membantu untuk mengurangkan suhu badan", tambah Dr Normala.

Namun, menurut beliau siswa-siswi perlu memastikan badan berada dalam suhu bilik sebelum masuk ke dalam kawasan lebih sejuk. Hal ini untuk mengelakkan perubahan suhu badan agar tidak mengalami selesema dan ketidakselesaan badan.

"Saya menasihatkan supaya siswa-siswi berehat dahulu sebelum mandi dan elakkan minum air yang terlalu sejuk apabila berada dalam cuaca panas. Minum air bersuhu bilik agar suhu badan tidak terjejas.

Siswa-siswi perlu memberi perhatian kepada tahap kesihatan sepanjang musim panas. Menurut Jabatan Meteorologi Negara Cuaca panas yang berlaku adalah disebabkan oleh Monsun Timur Laut yang dijangka berakhir penghujung Mac 2015dan peralihan monsun akan membawa lebih banyak hujan.

All eyes on Sada Borneo

Sada Borneo stood out against almost 4000 participants after being selected to compete at the judges' round for AXN's Asia's Got Talent after an open audition that was held at Taylor's University College last year.

Sada Borneo, a band known for their Sarawak traditional music fused with the element of modern and western musical style, remembered by the students of Universiti Sains Malaysia (USM) for their appearances in university events, such as Malam Bumi Kenyalang and Malam Citra Bayu.

Among the five members of Sada Borneo, Hallan Hashim, Julian Frederick, Allister Changat, Nick Fadriel John are still pursuing their degrees in USM while Mohd Hilmi Mohd Isa is an alumni of USM.

Hallan, who plays sape for the band, expressed that he wanted to showcase the culture of Malaysia by playing traditional musical instruments so that people will recognise them. That way, they hope to inspire people to learn to play traditional musical instruments.

"What we saw in Asia's Got Talent is that each countries presented their culture by blending it with western musical styles. But we do not see much of Malaysian culture during the audition", said Hallan.

When asked about how they managed their time, Hallan explained that it is all about individual effort.

"Each of us has different schedules but it is all about how we manage time on our own. During the day, we do our own things and at night we will set the time for practice sessions", Hallan explained.

When it comes to practice sessions to prepare for the competition, Allister said that the group tried to keep practice sessions as short as possible so that they are able to do other things.

"We usually start our practice at 8pm and we will try to end it by 11pm latest", he said.

Hallan explained that during the practice, they will work on trying to improve on minor details of the songs, as well as making the music sound as smooth as possible.

Sada Borneo promised to feature music with a combination of 3 musical styles such as traditional, modern and rainforest music for Asia's Got Talent.

"We'll try to bring something to the show as we composed the melody from scratch and modernised the traditional aspect of the music", Hallan explained.

Allister described his experience of competing in the show very new and enjoyable to him.

"This is our first time appearing in a reality television show and it is very new to us. We get to meet constentants from different countries. We enjoyed their performances", said Allister.

In terms of their chances of winning, Hallan felt that them reaching the judges' round is already an achievement to them while Allister on the other hand said that they will go with the flow.

"We felt very honoured that we were given the chance to show our Malaysian culture to the world", said Hallan.

Asia's Got Talent will be aired every Thursday on AXN, Astro Channel 701 at 8.30 pm. The judges of the show includes David Foster, Van Ness Wu, Anggun and Melanie C.

Peluang, ruang penting untuk capai kesaksamaan gender

Oleh **SHANGITHA SADAYAN & HEMAWATHI SOMASUNDHARAM**

Hari Wanita Antarabangsa 2015 telah disambut dengan tema yang dipilih oleh Pusat Penyelidikan Wanita dan Gender (KANITA), USM iaitu "Jadikan Ia Suatu Realiti: Mencipta Ruang Untuk Wanita" bertempat di Kompleks Cahaya Siswa (KOMCA), USM pada 10 Mac yang lalu.

Sesi forum dalam program tersebut melibatkan Mantan Pengarah KANITA, Dato' Dr. Wazir Jahan Karim, Ketua Pengarang Berita TV9, Media Prima Berhad, Wan Sabariah Shikh Ali, Pengerusi Persatuan Ibu Tunggal Barat Daya, Pulau Pinang, Juriah Samriemat, Usahawan Muda, Azyani Zamri dan Timbalan Dekan Pusat Pengajian Komunikasi, Prof Madya Dr Azman Azwan Azmawati selaku moderator.

Menurut wakil Timbalan Naib Canselor Bahagian Jaringan Industri dan Masyarakat (BJIM) USM, pemberian peluang dan ruang kepada wanita dalam semua aspek kehidupan adalah penting untuk memastikan kesaksamaan gender itu dicapai.

"Kesaksamaan gender amat penting terutamanya untuk menyokong pertumbuhan ekonomi negara serta membantu mengurangkan jurang kemiskinan dalam masyarakat. Universiti mempunyai peranan dalam menyediakan ruang kepada golongan wanita dan KANITA, USM sebagai sebuat pusat penyelidikan akan terus gigih dalam mengkaji secara kritikal jurang-jurang yang masih wujud untuk memastikan kesaksamaan gender menjadi realiti", tambahnya lagi.

Wan Sabariah berkata bahawa golongan wanita seharusnya berusaha dengan gigih untuk mencapai kejayaan yang diinginkan dan menyediakan diri untuk menghadapi pengalaman yang baru.

Menurut Dato' Dr. Wazir, Malaysia perlu membantu golongan wanita khususnya yang berada di kawasan pedalaman untuk kebaikan bersama seperti yang dilakukan oleh Jepun dan Korea.

Nurul Hidayah Mohd Yuki, Sains Kemasyarakatan 2 menjelaskan wanita tidak perlu bergantung pada orang lain dan kesabaran merupakan kunci utama untuk menghadapi sebarang cabaran dalam kehidupan.

"Program yang bermanfaat sebegini harus dijalankan pada sepanjang masa kerana dapat mewujudkan kesedaran bagi membuka ruang kepada golongan wanita untuk berjaya dalam semua bidang yang diceburi", katanya.

Kesaksamaan gender amat penting terutamanya untuk menyokong pertumbuhan ekonomi negara serta membantu mengurangkan jurang kemiskinan dalam masyarakat.



Pasukan Fajar Harapan menunjukkan kreativiti yang tersendiri semasa menjual beli pantun.

Pertandingan persahabatan mantapkan pasukan

Kerjasama dengan beberapa Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan desasiswa dalam menjalankan pertandingan persahabatan sebelum ke Pertandingan Pantun Antara Desasiswa (PADU) dan Debat Piala Naib Canselor (DPNC) 2015 merupakan salah satu strategi pasukan Desasiswa Fajar Harapan dalam meningkatkan keyakinan peserta.

Menurut Pengarah Projek PADU Fajar Harapan, Noor Diana Rejab, pihak pengurusan sentiasa komited dan berusaha sebaik mungkin dalam memastikan pasukan pantun mendapatkan latihan yang secukupnya di samping mencari alternatif bagi meningkatkan persediaan peserta.

"Kami mahu para peserta mempunyai keyakinan yang tinggi dan berusaha memperbaiki kelemahan mereka dari semasa ke semasa. Melalui pertandingan persahabatan sebegini, para peserta diberi pendedahan mengenai keadaan sebenar semasa pertandingan berlangsung." katanya.

"Kami yakin dan percaya kerjasama di antara beberapa Majlis Penghuni Desasiswa (MPD) dalam menjalankan pertandingan persahabatan mampu memanfaatkan kedua-dua pihak kerana masing-masing sedang berusaha untuk memantapkan pasukan mereka. Justeru, kami tetap positif bahawa mereka yang berusaha gigih akan mendapatkan hasil yang setimpal." ujarnya lagi.

Pengarah Projek DPNC Fajar Harapan, Noor Farhana Mohd Maulana, memberitahu pasukan debat turut menjalankan pertandingan persahabatan melibatkan Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) yang terdekat dalam memantapkan persediaan peserta.

"Kami mempunyai misi yang perlu dicapai dan pastinya usaha yang gigih dan berterusan diperlukan bagi mencapainya. Pertandingan persahabatan ini akan memberi peluang kepada peserta untuk mengkaji dan meneliti pencapaian mereka seterusnya berusaha untuk memperbaiki kelemahan yang ada." tambahnya.

"Para peserta bersemangat untuk terus mengasah potensi yang dimiliki meskipun terdapat pelbagai kekangan yang harus dihadapi seperti jadual waktu semester yang sangat padat di samping kekangan kesihatan. Masing-masing menjalankan tanggungjawab yang diberikan dan hal ini akan memudahkan pasukan untuk terus maju." jelasnya.

Menurut Nurul Nadia Kamaruzaman, Seni 1, sebagai peserta beliau sedar akan kepentingan keyakinan diri dan pentingnya pengaplikasian latihan. Oleh itu, melalui pertandingan persahabatan sebegini mampu mengaplikasikan segala yang dipelajari sepanjang proses latihan.

"Komitmen dan kesabaran amat diperlukan sepanjang latihan berlangsung. Tekanan yang diterima perlu diambil daripada sudut positif kerana sekiranya gagal menguruskan tekanan akan membuatkan diri tidak dapat memberikan fokus yang sepenuhnya." katanya lagi.

"Kami akan berusaha sedaya upaya untuk memantapkan pasukan sebelum menghadapi pertandingan sebenar kerana ini merupakan amanah yang diberikan kepada kami. Masa semakin suntuk tetapi usaha yang berterusan akan membantu kami kelak." ujarnya pada wartawan *Berita Kampus.*

Artifak di Tapak Arkeologi Sungai Batu dipelihara

Oleh **MUHAMAD RIDZWAN MD ALI & MUHAMMAD SUHAIB MOHD SHAPIEE**



Pengarah Pusat Penyelidikan Arkeologi Global (PPAG), Prof Mohd Mokhtar Saidin (tiga dari kiri) menerangkan artifak Dinding Relau 1 yang dijumpai di Tapak Arkeologi Sungai Batu, Kedah kepada Menteri Pelancongan dan Kebudayaan, Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz (dua dari kiri) -ketika lawatan kerja beliau pada 19 Mac lalu.

Ekskavasi arkeologi yang dijalankan di tapak baru yang terletak di kawasan Sungai Batu, Kedah selepas tapak tersebut ditemui oleh Pusat Penyelidikan Arkeologi Global (PPAG) pada 2007 yang diketuai oleh Prof Mokhtar Saidin telah mendapat perhatian Menteri Pelancongan dan Kebudayaan untuk menjadikan tempat tersebut tapak warisan dunia.

Menteri Pelancongan dan Kebudayaan, Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz berkata beliau berpuas hati dan merasa gembira dengan usaha PPAG dalam mengendalikan kawasan tapak arkeologi Sungai Batu dan beliau akan memastikan tempat tersebut tidak diganggu dan dijadikan sebagai tapak warisan dunia dan kawasan pelancongan.

"Kawasan arkeologi ini adalah penting kepada tamadun Melayu dan masyarakat Malaysia kerana mempunyai sejarah yang amat bernilai. Kawasan ini berpontensi untuk mendapatkan pengisytiharan daripada Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNESCO) untuk dijadikan sebagai tapak warisan dunia seperti yang dicapai oleh Lembah Lenggong, Hulu Perak" , katanya.

Beliau berharap agar usaha cari gali yang berpontensi untuk tapak eskavasi di Sungai Batu dijalankan dengan lebih cepat untuk menyelamatkan artifak-artifak yang mempunyai nilai sejarah yang bernilai kepada negara supaya tidak hilang.

"Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan akan bekerjasama dengan Kementerian Kewangan bagi mendapatkan dana agar usaha cari gali di tapak arkeologi ini berjalan lancar dan kita akan berusaha menjadikan seluruh kawasan sekitar Sungai Batu ini dengan pembangunan prasarana seperti hotel untuk memudahkan pelawat-pelawat dari luar untuk datang melihat sendiri keunikan dan kebudayaan di kawasan tersebut", katanya lagi.

Beliau juga berharap agar nama Sungai Batu ini terus kekal buat selamanya tanpa perlu dipinda kerana nama ini adalah warisan nenek moyang yang cukup unik dan berharga. Beliau berkata sedemikian selepas merasmikan Kompleks Arkeologi Sungai Batu, Kedah pada 19 Mac yang lalu.

Prof Mokhtar menerangkan kepada Menteri Pelancongan dan Kebudayaan ketika lawatan kerja beliau bahawa kawasan Sungai Batu tersebut dipercayai telah digunakan sebagai kawasan penempatan dan bengkel melabur besi yang terawal menunjukkan tapak tersebut berumur sekitar 50 tahun Sebelum Masihi (50 S.M) menjadikan satu penemuan penting di Malaysia. Penemuan kedua-dua tapak tersebut membuktikan dakwaan bahawa kawasan Lembah Bujang adalah antara penempatan tertua di dunia

USM rintis upaya golongan keterbawah di Sungai Batu

Keunggulan Universiti Sains Malaysia (USM) dalam bidang penyelidikan yang diiktiraf dunia melalui penganugerahan dan projek-projek penyelidikan telah berupaya menjadikan USM sebagai perintis mengusahakan bakat masa hadapan dan mengupayakan golongan keterbawahan seperti yang dapat dilihat di kawasan Tapak Arkeologi Sungai Batu, Kedah.

Pegawai Penyelidik Pusat Penyelidikan Arkeologi Global (PPAG), Ahmad Fadli Jusoh berkata, program perpindahan ilmu berasaskan penyelidikan arkeologi diberikan kepada penduduk tempatan yang bekerja di Tapak Arkeologi Sungai Batu adalah untuk membantu meningkatkan ekonomi masyarakat setempat melalui latihan dan inovasi yang diberikan.

"PPAG yang diketuai oleh Prof Mokhtar Saidin berusaha untuk menerapkan ilmu arkeologi kepada masyarakat di samping mereka bertugas sebagai pembantu dalam menjalankan ekskavasi di Sungai Batu. Kami juga berusaha untuk mendapatkan Green Badge daripada Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan bagi meningkatkan kemahiran pekerja setempat untuk menjadikan mereka sebagai pemandu pelancong di sekitar kawasan arkeologi dan Kedah", katanya.

Seorang pembantu ekskavasi, Mohamad Hanafi Azmi, 23, berkongsi pengalaman beliau semasa menjalankan ekskavasi di Sungai Batu. Beliau berkata, mereka dapat mendalami serta mengetahui sejarah dan tamadun artifak yang tertanam di tapak tersebut. Melalui proses ekskavasi yang telah dijalankan, beliau bukan sahaja bekerja untuk membantu penyelidik dalam usaha cari gali tetapi perlu mendalami serta mempelajari teknik-teknik serta kemahiran ekskavasi kerana penting bagi memudahkan proses serta membantu dalam meningkatkan pengetahuan jika ditemui pelawat yang hadir di tempat tersebut.

"Hanya mereka yang bekerja di sini dapat mengetahui sejarah dan kebenaran arkeologi di Sungai Batu. Ini adalah satu peluang yang paling berharga kerana kami penduduk tempatan yang membantu dalam mengembangkan serta membangunkan kawasan tempat tinggal kami sendiri", katanya.

Hanafi juga berkongsi pengalaman ketika mereka melakukan kerja-kerja ekskavasi terpaksa berhadapan dengan perubahan cuaca seperti hujan kerana mereka perlu melindungi kawasan cari gali daripada rosak serta terpaksa berhadapan dengan pelawat yang berkunjung ke tapak arkeologi tersebut.

"Sudah hampir 4 tahun saya bekerja di tapak ini, dan pelbagai pengalaman yang dapat kami terokai serta mendapat kerjasama yang baik daripada pengurusan PPAG sepanjang tempoh kami bekerja di sini. Kami berharap lebih banyak kawasan yang dapat diterokai di Kedah", katanya lagi.

Hanafi ditemui di tapak arkeologi selepas lawatan kerja dan Perasmian Kompleks Arkeologi Sungai Batu oleh Menteri Pelancongan dan Kebudayaan, Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz pada 19 Mac yang lalu.

DAD anjur pertandingan gusti lengan

Desasiswa Aman Damai (DAD) bersama Putrajaya Arm Wrestling Association (PAWA) bakal menganjurkan Pertandingan Gusti Lengan Tertutup USM pada 11 April bertempat di DAD, Universiti Sains Malaysia (USM).

Menurut pengarah projek, Noor Farhana Askar Ali, USM menjadi universiti julung yang menganjurkan pertandingan tersebut berpandukan peraturan dan peralatan yang mengikut piawai World Arm Wrestling Federation.

"Tujuan kami mengadakan pertandingan ini ialah untuk memperkenalkan sukan gusti lengan sebagai suatu sukan yang bersifat formal, dan untuk memeriahkan acara Pakat Mai Aman Damai", jelas Farhana.

Pertandingan tersebut terbuka kepada semua warga USM kecuali mereka yang pernah mengalami kecederaan tulang tangan. Kategori yang bakal dipertandingkan nanti ialah kategori bawah 70kg, 70-80kg, dan 80kg ke atas.

Menurut Farhana, mereka yang berminat boleh mendaftar di hadapan kafe Aman bermula 23 Mac 2015.

Peserta akan berpeluang terlibat dalam pertandingan 37th World Arm Wrestling Championship (WEC2015) yang bakal diadakan di Berjaya Times Square, Kuala Lumpur dari 26 September hingga 4 Oktober 2015.

Menurut Presiden PAWA, Ahmad Badrulhisham Che Kasim, kejohanan ini akan diadili oleh dua orang pengadil bertauliah oleh World Arm Wrestling Federation.

"PAWA juga akan mengadakan kursus pengadil bertauliah nasional untuk mereka yang berminat pada hari yang sama. Peserta kursus yang berjaya akan layak mengadili pertandingan gusti lengan di peringkat nasional," jelas Badrulhisham.

DEBAT PIALA NAIB CANSELOR

DPNC asah bakal pemimpin

Oleh **ALIANA HAMIMI AMRAN**

Pusingan akhir Pertandingan Debat Piala Naib Canselor (DPNC) dirasmikan oleh Naib Canselor Universiti Sains Malaysia, Profesor Dato' Omar Osman bertempat di Dewan Budaya, 22 Mac lalu. Wakil dari Restu dan Fajar Harapan berjaya melepasi lima sesi perdebatan sehingga melayakkan mereka memasuki pusingan akhir.

Perdebatan bagi pusingan akhir berusulkan Kita Perlukan Nusantara berbanding ASEAN. Dalam pusingan ini, Restu mewakili pihak kerajaan dan Fajar Harapan mewakili pihak pembangkang. Johan pertandingan ini berjaya dirangkul oleh Restu dan membawa pulang wang sebanyak RM1000 berserta piala. Manakala naib johan jatuh kepada Fajar Harapan yang memenangi wang sebanyak RM750.

Dalam perdebatan, Restu mewakili kerajaan mengutarakan hujah konflik budaya dalam kalangan nusantara.

"Contoh yang kami kemukakan ialah lagu *Rasa Sayang*, batik dan sebagainya. Maka kita perlukan Nusantara untuk merungkai konflik ini secara rundingan dalaman dalam kalangan negara Nusantara", ulas kerajaan.

"Kami memilih isu budaya kerana dalam ASEAN juga terdapat isu budaya yang diangkat seperti Deklarasi Bangkok 1967, dalam objektif ketiga mereka untuk meningkatkan kerjasama aktif dalam pelbagai bidang termasuklah budaya. Malah Nusantara juga ada mengangkat isu budaya. Dengan ini, perbandingan yang ingin ditunjukkan pada hari ini relevan dan adil untuk kita perdebatkan" , hujah beliau lagi.

Pembangkang pula menolak hujahan mereka bahawa tiada keperluan mendesak untuk mewujudkan Nusantara. Menurut pembangkang, mereka menyatakan prinsip yang merangkumi sosial, ekonomi dan kelestarian.

Menurut pembangkang, mereka menekankan prinsip hormat terhadap kemerdekaan, ketuanan, kesamaan, integriti jajahan, identiti nasional dalam semua negara. Negara anggota ASEAN yang mendokong prinsip ini adalah merujuk kepada integriti jajahan. Isu tuntutan bertindih yang berkait rapat dengan integriti jajahan ini dapat dibendung oleh ASEAN.

"Setiausaha agung ASEAN, Le Yuong Minh berkata, isu tuntutan bertindih melibatkan Pulau Batu Putih pada tahun 2008, isu bertindih Pulau Sipadan yang berlaku pada 2002, ASEAN berjaya mencari penyelesaian yang mana mereka membawa isu ini ke mahkamah antarabangsa. Negara-negara ASEAN ini menerima keputusan mahkamah dengan harmoni", tambah ketua pembangkang lagi.

Namun, kerajaan membidas hujahan pembangkang kerana tiada pertembungan dengan cadangan kerajaan. "Nusantara diperlukan untuk selesaikan konflik budaya dalam kalangan Nusantara tanpa campur tangan ASEAN. Namun konsep pembangkang tidak bertembung dengan kerajaan", hujah kerajaan.

"Aspek solidariti juga penting. Solidariti adalah aspek hubungan yang terjejas sekiranya kita membiarkan konflik budaya terus berlaku. Menurut Kementerian Kebudayaan Indonesia, sepanjang tahun 2007 hingga 2012, Malaysia telah melakukan sebanyak tujuh tindakan, mendakwa produk budaya Indonesia merupakan milik Malaysia yang mencetuskan provokasi antara kedua-dua negara seperti lagu rasa sayang, batik, tarian pendek dan sebagainya", jelasnya lagi.

Namun, usul kerajaan tersebut dikritik kerana mereka mendakwa pembukaan konsep yang dinyatakan Perdana Menteri tidak jelas dan mewujudkan kerunsingan.

"Penyelesaian atau perdebatan dengan ASEAN menunjukan pelbagai kekuatan dalam menyelesaikan pelbagai masalah secara aman. Hal ini demi menjaga keamanan dan keselamatan negara anggota ASEAN berbanding dengan negara dalam Nusantara yang menyelesaikan perbezaan atau perdebatan bukan secara aman", bidas pembangkang.

Beliau turut membangkang dengan fakta kes iaitu kekuatan ASEAN dalam menyelesaikan perbezaan secara aman yang wujud apabila berlaku perbezaan komuniti. ASEAN menekankan tiga prinsip utama iaitu komuniti politik keamanan ASEAN, komuniti ekonomi ASEAN dan ekonomi sosio budaya ASEAN.

Manakala kerajaan pula tampil dengan hujahan dalam konteks menunggal. "Menunggal yang berasal daripada kata dasar tunggal yang bermaksud kita berasal dari rumpun yang sama iaitu Austronasia dalam lingkungan Nusantara. Ciri menunggal yang wujud dalam alam Nusantara adalah penyatuan dan kerjasama Nusantara", hujah kerajaan.

"Contoh yang kami ketengahkan melibatkan tiga negara, Malaysia, Thailand dan Indonesia. Konflik ketiga-tiga negara ini menuntut hak asal-usul wayang kulit. Mereka telah mencapai persetujuan untuk mengangkat wayang kulit ini boleh persembahkan tanpa sebarang prejudis oleh negara-negara yang terbabit berdasarkan konsep menunggal", tambahnya lagi.

"Kami membandingkan negara ASEAN dalam asal-usul tarian lat, seni patungan di Myanmar tidak pernah selesai sehingga ke saat ini kerana tiada falsafah wawasan Nusantara", tegas kerajaan.

Di akhir perdebatan, usul kerajaan diterima sebulat suara.

Kami memilih isu budaya kerana dalam ASEAN juga terdapat isu budaya yang diangkat seperti Deklarasi Bangkok 1967, dalam objektif ketiga mereka untuk meningkatkan kerjasama aktif dalam pelbagai bidang termasuklah budaya.

Siswa-siswi berani pertahankan hak

Pertandingan Debat Piala Naib Canselor (PDPNC) peringkat separuh akhir memperdebat usul "Pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar patut dikekalkan". Persidangan pertama terdiri daripada perwakilan siswa Restu yang mewakili kerajaan berbahas dengan perwakilan Tekun yang mewakili pembangkang.

Persidangan DPNC kedua pula didebat oleh Fajar Harapan mewakili pihak kerajaan manakala Nurani mewakili pihak pembangkang. Keputusannya, Restu dan Fajar Harapan diisytiharkan sebagai pemenang seterusnya layak bertanding di peringkat akhir.

Perwakilan pihak kerajaan berhujah mengenai prinsip keadilan berdasarkan ucapan Mantan Pengerusi Perundingan Mahasiswa Kebangsaan, Wan Mohd Azman Wan Daud iaitu sistem pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) harus dipraktikkan kerana cara pilihan raya ini boleh terdiri daripada semua pencalonan.

Walau bagaimanapun, pembangkang membidas kenyataan itu lalu menyatakan bahawa kerajaan gagal untuk menarik perhatian siswa-siswi untuk mengundi malah peratusan pengundi tidak mencecah 50 peratus daripada jumlah siswa-siswi. Oleh itu, pembangkang mencadang supaya sistem pemilihan perwakilan MPP digantikan dengan sistem perlantikan oleh universiti.

"Secara tidak langsung kesan pelaksanaan sistem yang sedia ada telah mewujudkan suasana kampus yang tidak selamat dan menggugat keamanan siswa-siswi. Pilihan raya kampus menyebabkan berlaku kecelaruan di dalam kampus kerana parti-parti yang bertanding mengelirukan siswa-siswi untuk membuat pemilihan", ulas pembangkang ketika berdebat secara bersemuka dengan kerajaan.

"Namun, isu ini menjadi lebih serius apabila terdapat unsur campur tangan politik luar yang akan memberi kesan kepada semua siswa-siswa yang menyokong terutamanya wakil pelajar itu sendiri", jelas pembangkang lagi.

Selain itu, pembangkang menegaskan bahawa pemilihan perwakilan pelajar secara pengundian akan menyebabkan kekeliruan pengundian dan wujud sikap taksub seperti yang telah berlaku di Universiti Malaya (UM).

"Isu yang berlaku di UM menjadi bukti masalah yang wujud. Masalah ini berlaku kerana sifat taksub dalam diri siswa-siswi. Pemimpin yang dipilih dari MPP UM, Fahmi Zainol dikatakan telah menyalahgunakan kuasa dengan membawa masuk Anwar Ibrahim dalam program pidato tanpa berbincang dengan ahli MPP lain", ujar pembangkang.

Pembangkang berhujah, masalah ini memberi kesan kepada susana di kampus dan kredibiliti UM tercalar. Lebih membimbangkan lagi, siswa-siswi berasa tidak selamat berada di dalam kampus kerana bimbang akan turut dikenakan tindakan tatatertib sekiranya terlibat dalam aktiviti kampus yang melibatkan beliau.

Walau bagaimanapun, pihak kerajaan membidas hujah pembangkang dengan mengatakan bahawa tiada sebarang kekeliruan sekiranya melaksanakan mengikut sistem mengundi kerana siswa-siswi tahu pihak mana yang layak untuk dipilih sebagai pemimpin. Usul tersebut ditolak kerana kuasa pemilihan MPP melalui cara lantikan akan sepenuhnya menjadi tanggungjawab Bahagian Hal Ehwal Pembangunan Pelajar.

"Perkara tersebut tidak boleh dibiarkan kerana masa depan siswa-siswi adalah hak mereka sendiri. Siswa-siswi pasti lebih bijak memilih pemimpin yang berkredibiliti dan mampu menyuarakan pendapat mereka demi menuntut hak siswa-siswi", tegas kerajaan.

Siswa-siswi perlu berani tampil bersuara

Pertandingan Debat Piala Naib Canselor antara Desasiswa (DPNC) sidang 2014/2015 yang berlangsung pada 20 hingga 22 Mac bertempat di Kampus Induk Universiti Sains Malaysia (USM) berjalan lancar. Setiap kampus USM menghantar wakil mereka untuk bertanding termasuklah Kampus Kesihatan, Kejuruteraan serta Pelajar Tanpa Asrama (PETAS).

Pertandingan DPNC menggariskan beberapa kriteria pendebat sekiranya ingin menyertai pertandingan. Pertandingan terbuka kepada semua siswa-siswi sepenuh masa yang mendaftar di Desasiswa USM.

Walau bagaimanapun, setiap pasukan perlu melepasi lima pusingan perdebatan. Setelah itu peserta yang layak akan ke peringkat separuh akhir. Hanya dua pasukan sahaja yang akan berdebat di peringkat akhir. Antara tajuk yang perlu didebatkan adalah bertemakan politik, ekonomi dan kelestarian.

Selain itu, pasukan haruslah terdiri daripada tiga pendebat dan dua pendebat simpanan. Setiap pasukan mesti mempunyai seorang pendebat bukan bumiputera dalam pasukan yang mewakili desasiswa masing-masing.

Perdebatan dijalankan dalam bahasa Melayu bergayakan ala Parlimen dan debat terbuka. Setiap pusingan debat mempunyai dua pasukan iaitu kerajaan yang terdiri daripada Perdana Menteri dan dua anggota kerajaan. Pembangkang pula harus terdiri daripada Ketua Pembangkang dan dua anggota pembangkang.

Setiap pendebat perlu menyampaikan ucapan substantif. Ucapan penggulungan bagi kerajaan dan pembangkang boleh disampaikan oleh salah seorang ahli pasukan masing-masing.

Menerusi program ini, siswa-siswi dapat berhujah secara matang dalam menjalani kehidupan seharian khususnya dalam menguruskan hal-hal akademik. Program tersebut juga dapat mencungkil bakat-bakat baharu dalam arena debat peringkat universiti yang akan mewakili USM dalam mana-mana pertandingan debat peringkat kebangsaan.

Menurut Naib Canselor Universiti Sains Malaysia, Profesor Dato' Omar Osman, aktiviti-aktiviti di universiti bukan sahaja untuk mendapatkan mata MyCSD tetapi harus menjadi sebahagian daripada pencapaian yang melebihi pencapaian akademik. Kita telah berjaya membina penglibatan tahap siswa-siswi yang melibatkan diri dalam pelbagai bidang. Pada tahun lepas kita telah merekodkan 117 ribu penglibatan siswa-siswi atau 100 peratus penglibatan sekurang-kurangnya satu aktiviti siswa-siswi sepanjang berada di universiti di peringkat Ijazah Pertama sepenuh masa.

"Debat haruslah menjadi satu wadah untuk siswa-siswi berinteraksi selain menjadi pelantar untuk mengetengahkan idea melalui berhujah", ujar beliau lagi.

Pengunjung merentasi halangan bertali dalam permainan Monkey Business.



Tiada teknologi, tiada masalah

Taman Tema ESCAPE ialah pilihan yang sesuai dijadikan tempat riadah seisi keluarga kerana lokasinya yang terletak jauh dari hiruk-pikuk kota raya iaitu di Teluk Bahang, Pulau Pinang. Di sana kita menikmati keindahan alam sekitar sambil melakukan aktiviti lasak yang disediakan.

Tiada kemudahan WiFi disediakan di ESCAPE. Namun, ia bukanlah penghalang pengunjung tidak merasakan peraturan ini menjadi penghalang untuk berhibur khususnya mereka yang gemarkan aktiviti lasak. Selain daripada pengunjung tempatan, pengunjung luar turut sama datang bersama keluarga dan merasakan ketiadaan kemudahan WiFi bukanlah satu masalah yang besar.

Menurut Celine Austine, 17, dirinya tidak mempunyai masalah dengan ketiadaan WiFi kerana beliau sangat sukakan aktiviti luar dan tidak mempunyai masa untuk menggunakan telefon pintarnya apabila sibuk melakukan aktiviti lasak. Kadang-kala beliau akan meninggalkan telefon pintar, kamera atau komputer riba di dalam kereta atau di rumah untuk mengelak daripada sebarang kerosakan.

"Saya gembira ESCAPE tidak menyediakan kemudahan WiFi kerana ianya sedikit sebanyak membantu memenuhi prinsip percutian keluarga iaitu hari tanpa telefon. Hal ini demikian kerana, saya ingin memastikan masa yang diluangkan bersama keluarga adalah berkualiti tanpa memikirkan soal kerja", ujar Zulkarnain, 41, yang merupakan salah seorang pengunjung ESCAPE.

Nur Shazwani Zainudin, 22, penuntut UiTM yang ditemui memberitahu beliau menjadikan ESCAPE lokasi pilihan untuk menikmati cuti semester bersama rakan-rakan yang lain.

"Saya berasa terganggu apabila ada di antara rakan menjadi antisosial kerana terlalu kerap menggunakan aplikasi di telefon pintar seperti Whatsapp dan WeChat setiap kali keluar bersama. Tidak guna keluar bersama sekiranya hanya fokus kepada telefon pintar. Oleh itu, ketiadaan WiFi ini merupakan salah satu alternatif untuk merapatkan hubungan", tambahnya lagi.

Pengurus Operasi, Melvin Lim Yong Ming, berkata ketiadaan kemudahan perkhidmatan WiFi adalah untuk mengajar generasi baru tentang erti sebenar keseronokan kerana keseronokan bukan hanya ada pada alat komunikasi seperti Ipad, Iphone dan sebagainya. Sebaliknya, ESCAPE ini menimbulkan satu keseronokan yang semulajadi yang membolehkan generasi baru sertai dan menikmatinya tanpa gangguan teknologi.

ESCAPE juga memperlihatkan suasana perkampungan walaupun lokasinya di sebuah bandar maju. Tempat ini mengingatkan kita tentang kehidupan generasi-generasi terdahulu yang hidup tanpa kemudahan teknologi serta mesin. ESCAPE cuba menerapkan konsep perkampungan, semula jadi dan kelestarian alam sekitar terutama pada zaman serba moden ini disamping merealisasikan impian untuk mewujudkan personaliti individu yang berjiwa lasak dari segi fizikal dan mental.

Pengurus Operasi, Melvin Lim Yong Ming, berkata ketiadaan kemudahan perkhidmatan WiFi adalah untuk mengajar generasi baru tentang erti sebenar keseronokan.

Bukan sahaja aktiviti lasak yang menjadi tumpuan pengunjung malah permainan tradisional seperti sepak takraw turut mendapat sambutan pelanggan. Pihak ESCAPE mengadakan pertandingan sepak takraw beserta hadiah-hadiah menarik bagi pemenang telah menarik minat pelanggan untuk turut serta.

Selain itu, pertandingan memanjat pokok kelapa juga mendapat sambutan yang menggalakkan oleh pengunjung. Mungkin ramai individu yang tidak pernah merasai pengalaman memanjat pokok kelapa. Maka inilah masa yang sesuai untuk merasai pengalaman berharga ini.

Di samping itu, haiwan seperti ayam kampung, ayam belanda, ayam serama, ayam kampung, itik, monyet dan burung dibiarkan bebas berkeliaran di sekitar kawasan ESCAPE supaya pengunjung dapat merasai suasana kampung yang sebenar.

Pengunjung juga didedahkan dengan peranan haiwan terhadap alam sekitar yang tidak diketahui oleh masyarakat moden pada hari ini. Menurut Pengurus Rekreasi Afzainizam Abdullah, itik mempunyai peranan mereka tersendiri iaitu sebagai sumber makanan kepada manusia dan haiwan lain serta membersihkan kawasan sungai.

"Kami tidak dibenarkan menangkap burung, maka kami hanya memberi makan kepada burung lalu membiarkannya terbang bebas. Namun begitu, kami tidak dibenarkan memberi makan kepada monyet kerana monyet tersebut akan berkeliaran di kawasan ESCAPE dan kami khuatir ia akan menganggu ketenteraman pengunjung", jelasnya.

ESCAPE mencipta sarang burung dan diletakkan di atas pokok-pokok dan secara tidak langsung burung-burung akan bertelur di dalam sarang tersebut. Mereka juga sentiasa membekalkan makanan kepada burung supaya burung akan membesar dengan baik dan sihat.

Di seluruh persekitaran ESCAPE ini terdapat beberapa rumah kecil yang dibina di atas pokok. Rumah-rumah ini dinamakan dengan nama-nama unik melambangkan perpaduan rakyat Malaysia. Nama unik yang diberi kepada tandas wanita ialah Mawar dan tandas lelaki ialah Atan. Rumah-rumah kecil dan serambi yang dibina di atas pokok dinamakan nama-nama individu kampung seperti Adi, Ah Meng, Muthu dan sebagainya.

ESCAPE memilih nama-nama klasik untuk menonjolkan keunikan yang dimiliki oleh nama orang-orang pada zaman dahulu. Selain keunikan terhadap nama yang dilih, setiap bumbung bangunan di dalam taman tema ini juga dibina dengan menanam rumput di atasnya. Hal ini dapat mengingatkan kita kepada suasana kampung zaman dahulu yang membina rumah hanya menggunakan atap beralaskan daun pelepah kelapa.

Kesan dari pembinaan dengan menggunakan tumbuhan semulajadi telah membuatkan cuaca menjadi sejuk pada waktu siang dan malam. Zaman dahulu tidak menggunakan sebarang teknologi tujuan mendinginkan cuaca seperti yang telah menjadi kewajipan zaman sekarang. Namun ESCAPE masih menjadikan konsep perkampungan sebagai tema utama perniagaan mereka.

ESCAPE merupakan sebuah destinasi keseronokan dengan menyediakan pelbagai permainan menarik yang berkonsepkan persekitaran semulajadi. ESCAPE yang berkeluasan 7.5 hektar ini menyediakan 21 jenis permainan yang menarik untuk diterokai para pengunjung. Keunikan ESCAPE ini adalah setiap mainan yang disediakan mempunyai tujuan yang tersendiri dan mereka ingin memperkenalkan semula permainan pada zaman tradisional yang disuntik ke dalam dunia serba moden ini. Setiap aktiviti yang disediakan di sini menekankan aspek kebolehan kendiri dan menguji tahap kekuasaan kendiri.

Hal ini disebabkan kesemua permainan yang disediakan di sini tidak bergantung kepada penggunaan mesin elektronik. Setiap pengunjung yang hadir di sini dapat menikmati keseronokan tidak mengira peringkat umur, kebolehan dan tahap tenaga.

Setiap permainan yang disediakan di sini ada releven yang tersendiri. Permainan-permainan yang disediakan di sini banyak menguji ketahanan mental, fizikal dan emosi pemain. Permainan yang disediakan di

sini juga akan mendidik peserta dari segi imbangan tubuh badan dengan betul, kekuatan fizikal dan mental serta kecergasan. Sebagai contoh, untuk permainan Aeroback ia memerlukan kekuatan fizikal dan imbangan tubuh badan yang betul. Manakala bagi permainan Monkey Business pula memerlukan kekuatan fizikal, mental dan kecergasan. Sekiranya berlaku sebarang masalah seperti ketakutan semasa bermain, para pekerja Escape yang terlatih akan memberikan sokongan dan galakan dari segi mental dan emosi kepada peserta untuk meneruskan permainan.

Menurut Pengurus Operasi, Melvin Lim Yong Ming, ESCAPE merupakan taman tema pertama di Malaysia yang berkonsepkan permainan lasak dan tradisional ala kampung. "Permainan yang terdapat di ESCAPE merupakan merupakan permainan zaman 60 dan 70-an yang diperkenalkan semula kepada masyarakat di mana mereka boleh merasai sendiri permainan zaman kanak-kanak mereka tanpa kerisauan dengan ciri-ciri keselamatan seperti harness, serta unsur pertandingan seperti hadiah kelapa muda percuma untuk pengunjung yang berjaya memanjat pokok kelapa dalam aktiviti Coco Climb", katanya.

Menurut seorang pengunjung dari Kanada, Julie Wang, 41, dia sangat teruja kerana ESCAPE ini merupakan pengalaman pertamanya untuk mencuba sesuatu permainan yang penuh dengan ciri tradisional tetapi masih menekankan aspek keselamatan. Malah dia juga dapat membina keyakinan diri dan meningkatkan kekuatan fizikal dan mental setelah mencuba permainan Monkey Business dan Zoom Bug.

Selain itu, permainan seperti Coco Climb pula memberi peluang kepada pengunjung untuk merasai pengalaman memetik buah kelapa seperti zaman dahulu kala tanpa menggunakan sebarang alat bantuan seperti mesin dan sebagainya. Namun aktiviti ini telah diubahsuai mengikut ciri keselamatan yang memerlukan peserta memakai tali kelamatan untuk memanjat naik ke atas pokok. Di bahagian atas pokok, disediakan sebuah rumah kecil yang membolehkan pengunjung merasai kehidupan zaman tradisional. Buah kelapa akan diberikan kepada peserta sebagai ganjaran sekiranya mereka berjaya sampai di atas pokok dan menekan butang loceng.

Kewujudan taman permainan seperti ESCAPE ini dapat memberi peluang kepada masyarakat untuk mengenali dan mengimbas kembali permainan yang telah ada sejak zaman dahulu. ESCAPE juga membuka peluang kepada masyarakat yang merindui permainan zaman kanak-kanak yang telah ditinggalkan dan memberi pendedahan kepada kanak-kanak zaman moden tentang bagaimana permainan yang ada pada zaman nenek moyang mereka. ESCAPE juga dapat melatih pengunjung untuk membina daya ketahanan mental, fizikal, emosi yang kukuh melalui pelbagai permainan yang telah disediakan.

ESCAPE utamakan alam sekitar

ESCAPE menawarkan pelbagai jenis koleksi permainan berkonsepkan kehidupan masyarakat kampung pada tahun 1960an hingga 1970an. Permainan tersebut berdasarkan persekitaran alam semulajadi yang menyeronokkan serta dapat mencabar fizikal dan mental pengunjung.

ESCAPE cuba mengembalikan keseronokan pada zaman kanak-kanak bermain bersama rakan-rakan dalam persekitaran alam semulajadi. Oleh itu, pengasas ESCAPE, Sim Choo Kheng membuat keputusan untuk membina sebuah taman tema yang boleh mengembalikan keseronokan bermain seperti zaman dahulu.

Perkataan escape bermaksud menghilangkan diri bersesuaian dengan matlamat ESCAPE iaitu membantu pengunjung untuk merehatkan diri daripada kesibukan kerja, tekanan hidup, dan pencemaran melalui mengembalikan diri kepada alam sekitar.

Namun begitu, perkara yang membuatkan ESCAPE ini unik dari taman tema yang lain adalah inisiatif terhadap peranan dan tanggungjawab terhadap alam sekitar. ESCAPE bukan sahaja sebuah taman tema tetapi juga merupakan sebuah tempat menimba ilmu dan kesedaran terhadap kepentingan menjaga alam sekitar.

ESCAPE amat mementingkan penjagaan alam sekitar untuk mengekalkannya landskap asal kawasan tersebut. Berdasarkan matlamat tersebut, pihak pengurusan ESCAPE telah merancang secara sistematik lokasi bagi setiap permainan untuk memastikan tidak berlakunya penebangan pokok secara berleluasa dan seterusnya akan mengubah landskap alam semulajadi.

Menurut Pengurus Rekreasi, Afzainizam Abdullah, salah satu usaha yang dilakukan oleh ESCAPE untuk memelihara dan memulihara alam sekitar adalah tidak menebang sebarang pokok. Pokok yang terdapat di kawasan tersebut telah ditanam semula atau yang sedia ada. Sekiranya tumbuhan tersebut tidak terjejas dan mengugat keselamatan, maka tumbuhan tersebut akan kekalkan.

"Kami akan tebang pokok yang mengalami kereputan batang, pembiakan serangga perosak dan tidak boleh diselamatkan. Sekiranya tumbuhan tersebut masih dalam keadaan tidak kritikal, kami akan rawat tumbuhan tersebut tetapi kebanyakan pokok di sini dipelihara dan dikekalkan sebaik mungkin", katanya.

Selain itu, ESCAPE juga mewajibkan kitar semula. Tong tadahan air disediakan di setiap penjuru bagi tujuan mengumpulkan air hujan dan lebihan air siraman tanaman. Tadahan air ini akan disalurkan ke tong tadahan air untuk digunakan semula untuk menyiram pokok, kegunaan tandas dan lain-lain.

Tambahan pula, terdapat satu teknologi seni bina yang menarik perhatian pengunjung iaitu terdapat beberapa atap bangunan yang ditanam dengan rumput. Menurut Pengurus Operasi ESCAPE, Melvin Lim Yong Ming, atap tersebut dibina sebagai agen penyejuk semula jadi yang mana bangunan tersebut akan menjadi lebih sejuk dan tidak memerlukan penggunaan kipas atau penghawa dingin untuk menyejukkan bangunan tersebut.

Penggunaan plastik tidak digalakkan dalam taman tema ini bersesuaian dengan konsep menjaga alam sekitar. Langkah ini sangat penting untuk memastikan alam sekitar tidak dicemari dengan plastik yang sukar untuk dilupuskan.

Pengunjung tidak dibenarkan merokok di seluruh kawasan Taman Tema ESCAPE. Pengunjung yang merokok akan diminta untuk membuangkan atau menghabiskan rokok di kawasan yang tiada kanak-kanak atau berhampiran kawasan pelupusan sampah. Peraturan ini jarang sekali diamalkan di taman tema permainan berlanskapkan alam semula jadi.

Usaha yang dilakukan oleh ESCAPE adalah sangat penting dan seharusnya menjadi contoh kepada kepada taman tema permainan yang lain.



Teknologi binaan yang menggunakan rumput sebagai agen penyejuk semulajadi.

Program Greenie dekatkan kanak-kanak dengan alam sekitar

Program Greenie adalah program khas disediakan untuk kanak-kanak bertujuan mendidik mereka tentang kepentingan alam semulajadi melalui cara mengajar dan menggalakkan kreativiti serta imaginasi kanak-kanak sambil belajar. Program ini dapat merangsang deria kanak-kanak dari segi penglihatan, pendengaran, rasa, sentuhan dan bau serta merasai pengalaman belajar sambil bermain.

Program Greenie ini menyasarkan kanak-kanak berusia 12 tahun dan ke bawah. Program ini terbahagi kepada dua sesi iaitu pada pukul 10.00 pagi dan 2.00 petang, selama 2 jam 30 minit sehingga 3 jam. Program Greenie ditawarkan pada setiap hari dan hanya akan dilakukan dengan jumlah peserta minimum 100 orang kanak-kanak.

Menurut Pengurus Rekreasi, Afzainizam Abdullah, Program Greenie adalah percuma dan ibubapa hanya perlu mendaftarkan anak-anak mereka untuk mengikuti program ini. Kanak-kanak yang berdaftar akan mendapat kelebihan iaitu mereka akan diberi akses terlebih dahulu untuk bermain permainan disebabkan program ini mempunyai aturan acara dan semuanya harus berjalan dengan teratur dalam tempoh masanya supaya matlamat program tercapai.

Antara aktiviti yang ditawarkan adalah menanam sayur-sayuran untuk mendidik kanak-kanak memahami kemampanan dan kaedah bebas racun perosak untuk pertumbuhan pokok. Kanak-kanak juga akan diajar membuat baja yang sensitif untuk membantu sayur-sayuran tumbuh dengan subur. Mereka juga akan dibawa menerokai ekosistem sungai dan ekosistem tempatan.

Selain itu, kanak-kanak yang mengikuti Program Grennie juga akan diajar untuk membuat mainan buatan tangan dan permainan yang dapat meningkatkan ketangkasan, keseronokan dan interaktif mereka. Mereka juga diajar mengenai kitar semula dan aspek-aspek negatif membuang sampah terhadap ekosistem.

"Kami menghasilkan produk baru daripada barang kitar semula seperti pasu bunga, kipas dan barang permainan seperti sling shot dan bamboo shot. Sebagai contohnya, kipas helikopter dihasilkan dengan barangan terbuang dan kitar semula seperti batang aiskrim, penyepit kayu dan lain-lain. Asasnya, ESCAPE bukan sahaja menawarkan permainan yang lasak dan menarik kepada pengunjung tetapi juga mendidik mereka untuk menjaga alam sekitar", kata Afzainizam Abdullah kepada Berita Kampus.

"Warganegara Malaysia masih rendah kesedaran mereka terhadap pentingnya alam sekitar dan kami menghadapi kesukaran dalam kalangan ibu bapa yang mana mereka agak susah untuk membenarkan anak-anak mereka menyertai aktiviti ini atas faktor kepercayaan ibu bapa terhadap kakitangan ESCAPE", jelasnya lagi.

Usaha yang dilakukan dengan menerapkan elemen keseronokan merupakan antara langkah berkesan yang akan membawa generasi akan datang dalam perjalanan untuk memenuhi misi dan mewujudkan hari esok yang lebih mapan.

Di manakah letaknya nilai Islam dalam industri perfileman Malaysia?

Oleh **ROSAMIRA AHMAD RAZALI**

Industri perfileman di Malaysia menunjukkan peningkatan jumlah penontonan dari tahun 2007 sehingga tahun 2011. Tidak dinafikan filem bergenre Islamik turut menyumbang kepada peningkatan ini. Antara filem Islamik yang dihasilkan oleh karyawan tempatan ialah Syurga Cinta (2009), Nur Kasih The Movie (2011), Salam Cinta (2012), 7 Petala Cinta (2012), 99 Kali Rindu (2013) dan Dua Kalimah (2013).

Kesedaran masyarakat mencintai agama Islam semakin menyinar dalam jiwa segenap lapisan masyarakat apabila filem genre ini mendapat sokongan daripada penonton. Namun, trend ini tanpa sedar dilihat semakin pudar apabila terdapat penurunan jumlah penonton bagi genre ini. Yang menjadi persoalan ialah adakah konsep Islam itu difahami sepenuhnya oleh karyawan? Adakah ianya tidak diterapkan secara meluas? Walaupun karyawan berusaha untuk menerapkan nilai-nilai Islam dalam karya mereka dari segi pemakaian wanita yang bertudung dan menutup aurat namun, penerapan unsur-unsur Islam yang dipersembahkan masih belum menepati piawaian Islam yang sebenar.

Sebagai contoh, filem Kalimah Cinta arahan Eyra Rahman. Filem ini mengisahkan Aiman dan Selena yang pulang ke kampung Aiman dan mengaku bahawa mereka sudah berkahwin walhalnya tidak. Sepanjang perjalanan ke kampung, mereka diuji dengan melihat sendiri tiga kematian dan azab yang diberi Allah semasa memandikan jenazah. Semasa hayat, jenazah-jenazah tersebut pernah melakukan dosa yang sama seperti Aiman dengan Selena. Oleh kerana takut, Selena menyesal dan bertaubat. Dia menyuruh Aiman mengahwininya tetapi tidak dipedulikan. Akhirnya, apabila Aiman mendapat balasan di atas perbuatannya, beliau bertaubat dan menjadikan Selena sebagai isterinya yang sah.





Filem bergenre cinta Islamik turut mempengaruhi negara serumpun, Indonesia. Biarpun menggunakan elemen cinta sebagai tema filem namun, lakonannya tidak melanggar hukum agama serta sarat dengan mesej-mesej yang berguna.

Yang ingin ditekankan di sini ialah semasa Aiman dan Selena bergelar suami dan isteri, pelakon dilihat tidak mengikut konsep Islam yang sebenar. Misalnya, konsep bersentuhan tangan antara pelakon lelaki dan wanita walaupun sebagai suami dan isteri. Sedangkan Sabda Nabi di dalam Riwayat Imam at-Thabrani dan al-Baihaqi juga pernah menyatakan bahawa, "Jika kepala seseorang dari kamu ditusuk dengan jarum dari besi, itu lebih baik baginya dari ia menyentuh seorang wanita yang tidak halal untuknya".

Bagi orang yang kurang arif mungkin akan berkata bahawa pekerjaan sebagai pelakon menunjukkan aksi sedemikian adalah perkara biasa. Memperlihatkan ianya lebih bersahaja dan nyata di dalam filem, barulah memberi kesan kepada penonton. Bagi pelakon sendiri ianya menguji tahap profesional mereka. Namun, apabila difikirkan kembali industri perfileman kita sebenarnya turut terkena tempias budaya Barat. Walhal dalam kaedah fiqh ada menyatakan yang bermaksud; "Sekiranya kita bercampur yang halal dan yang haram, maka dimenangkan yang haram".

Yang haram itu hukumnya tetap haram dan tidak akan berubah melainkan wujud darurat tertentu. Ianya tidak akan berubah menjadi sesuatu yang halal walaupun terdapat unsur halal di dalam pembikinan sesebuah filem. Oleh itu, adegan-adegan bersentuhan antara yang bukan mahram, hukumnya tetap haram.

Filem bergenre cinta Islamik turut mempengaruhi negara serumpun, Indonesia. Biarpun menggunakan elemen cinta sebagai tema filem namun, lakonannya tidak melanggar hukum agama serta sarat dengan mesej-mesej yang berguna. Hal ini demikian kerana, kebanyakan filem yang dihasilkan merupakan adaptasi novel oleh karyawan terkenal seperti Habiburrahman El Shirazy, Hanung Bramantyo dan Abidah El Khalieqy. Antara filem Islamik yang mendapat sokongan daripada penonton ialah Ayat-Ayat Cinta (2008), Ketika Cinta Bertasbih (2009), Perempuan Berkalung Sorban (2009) dan sebagainya.

Berbeza di negara kita, filem mereka lebih mengutamakan garis panduan Islam. Contohnya, filem Ketika Cinta Bertasbih boleh dikatakan menepati piawaian Islam. Jalan cerita yang menarik dan watak lakonan yang tidak mengandungi unsur ikhtilat yang melampaui batas memuaskan hati penonton. Orang kata alang-alang menyeluk pekasam biar sampai ke panggal lengan, begitu jugalah di dalam pembikinan sesebuah filem. Alang-alang membuat filem Islamik biarlah ianya mengikut garis panduan Islam yang sebenar, tidak kira dari apa jua sudut.

Filem Ketika Cinta Bertasbih mengisahkan Khairul Azzam seorang mahasiswa Indonesia yang menuntut di Universiti Al-Azhar, Cairo, Mesir. Perjalanan hidupnya di bumi Cairo dipenuhi dengan suka dan duka dan rona-rona indah percintaan apabila hatinya terpikat dengan kecantikan dan budi bicara gadis yang bernama Anna Althafunnisa. Khairul Azzam juga mempunyai rakan seperjuangan iaitu Furqan dan adik bernama Ayatul Husna. Juga wujud watak perempuan ketiga iaitu Eliana Pramesthi Alam seorang gadis yang jelita tetapi hidupnya berkiblatkan Barat.

Dalam filem ini kita dapat lihat bahawa watak lelakinya menuntut ilmu di negara asing demi mengubah nasib keluarganya dikampung. Kita juga dapat melihat perjuangannya dalam memilih pasangan hidupnya dan juga prinsip hidupnya yang begitu teguh dengan ajaran agama Islam. Terdapat pemaparan babak pernikahan, babak kemesraan pasangan suami dan isteri, komunikasi antara adik-beradik, tetapi tiada babak yang sewenang-wenangnya memaparkan mereka berpegang tangan walaupun

Teknologi mudahkan pengguna

Oleh **SITI NAZIFAH TAJUDIN**

Perkembangan teknologi hari ini sememangnya amat menakjubkan. Jika tidak mahu ketinggalan kita juga perlu pantas mengejarnya dan mempelajari bagaimana memanfaatkan teknologi terkini sesuai dengan perubahan gaya hidup yang semakin sibuk, cara membeli secara dalam talian kini semakin mendapat tempat. Malah, hal ini menjadi satu cara mudah untuk berbelanja dan mendapatkan barang keperluan tanpa perlu beratur panjang di kaunter atau bersesak-sesak di pusat membeli-belah. Hanya menggunakan perkhidmatan internet, segala-galanya menjadi mudah di hujung jari anda. Di negara maju, pembelian melalui internet sudah lama diamalkan. Di negara kita, walaupun ia masih belum begitu rancak tetapi menunjukkan tanda-tanda positif dan pasti akan berkembang dalam masyarakat.

Aktiviti jual beli secara dalam talian di Malaysia mencatatkan perkembangan yang memberangsangkan dari semasa ke semasa. Pada hari ini, pembelian barangan-barangan fizikal melalui internet telah menjadi satu gaya hidup yang biasa oleh pengguna internet di Malaysia. Menurut kajian syarikat informasi dan kaji selidik pemasaran terkemuka dunia Nielsen Global Online, lebih 627 juta penduduk dunia sudah mula menerokai pembelian secara dalam talian sejak tahun 2005. Data tersebut turut memaparkan bahawa sejak tahun 2003 hingga 2005, pembelian secara maya telah melonjak sehingga 40 peratus.

Terdapat beberapa faktor yang membuatkan pembelian secara dalam talian mula menapak dihati pembeli. "Faktor utama yang mendorong saya membeli secara dalam talian adalah kerana mudah dan menjimatkan masa. Saya tidak perlu bersusah payah untuk pergi ke pusat membeli-belah yang pastinya memerlukan saya meluangkan masa yang lama untuk pergi ke sana dan mencari parkir dan sebagainya. Sebaliknya saya mempunyai cara mudah dengan hanya perlu melayari internet dan saya dapat mencari serta membeli barangan yang saya inginkan", ujar pembeli tegar secara dalam talian, Hafiz Nazri.

Anak kelahiran Alor Setar, Kedah itu gemar membeli barangan secara dalam talian seperti gajet, jam tangan serta buku. Menurut beliau, dia lebih gemar membeli secara dalam talian kerana harga yang ditawarkan biasanya lebih murah berbanding harga di pasaran. Sebagai contoh, saya pernah membeli jam tangan Emporio Armani dari United Kingdom melalui laman sosial Instagram yang bernama Houseofwatch dengan harga RM799 berbanding harga yang di jual di pasaran sebanyak RM1455. Dia juga telah membeli tiga buah komputer secara dalam talian sejak setahun yang lalu. Kesemua komputer tersebut berada dalam keadaan yang baik sehingga ke hari ini.

Hafiz Nazri yang berkhidmat di syarikat Prima Harta memberitahu selain harga yang jauh lebih murah, pembelian dalam talian juga menjimatkan masa dan lebih selesa. Menurutnya, dia boleh membeli pada bila-bila masa tanpa perlu bersesak-sesak dan beratur panjang. Tambahan pula dia tidak perlu memikirkan waktu yang sesuai untuk membeli-belah. Dia boleh membuat pembelian tidak mengira waktu tanpa perlu mengikut waktu operasi kedai.

Namun pemuda berusia 24 tahun ini menegaskan bahawa sebagai pembeli kita perlu sentiasa berwaspada dalam setiap pembelian yang akan dibuat. Dia bersyukur kerana selama dua tahun dia menjadi pembeli dalam talian, dia tidak pernah menghadapi masalah yang rumit kecuali berhadapan dengan barangan yang lambat dihantar akibat kehabisan stok.

Namun, beliau berpendapat bahawa terdapat juga beberapa kekurangan pembelian secara dalam talian ini. Hal ini kerana pembeli mungkin terpaksa menunggu lama untuk memiliki barangan yang dibeli. Sebagai contoh, produk dari luar negara biasanya mengambil masa yang lama untuk tiba ke tangan pembeli. Tidak mustahil juga pembeli tertipu. Dalam dunia yang serba mencabar ini, terdapat segelintir pihak yang mengambil kesempatan melalui internet dengan menjual barangan yang tidak berkualiti, dan sebagainya.

Selain itu, lazimnya pembeli gemar meneliti, membelek dan mencuba sesuatu sebelum membeli, terutama pakaian bagi memastikan ia benar-benar sesuai dan selesa dan selasa digunakan. Sayangnya, membeli melalui internet tidak memberikan peluang kepada pembeli untuk berbuat demikian melainkan sekadar membaca komen pembeli lain.

Oleh itu, pemuda ini telah berkongsi beberapa tips untuk mengelak berdepan dengan sebarang masalah berhubung pembelian secara dalam talian. Pertama haruslah memilih penjual yang dipercayai dengan cara

mereka memegang watak sebagai suami dan isteri dalam lakonan tersebut.

Watak adik-beradik juga tidak ditunjukkan wujud unsur bersentuhan. Mesej filem ini juga jelas disampaikan kepada penonton. Bilangan penontonnya juga tidak kurang hebatnya berbanding filem Islamik di Malaysia malah filem ini merupakan filem terlaris dengan jumlah lebih 3 juta penonton. Hal ini menunjukkan bahawa adegan bersentuhan sama sekali tidak mempengaruhi jumlah penonton. Sebaliknya penonton lebih tertarik untuk menilai sesebuah mesej yang ingin disampaikan oleh filem tersebut apatah lagi filem yang dikatakan berpandukan Islam.

Oleh itu, karyawan perlu memahami dan mendalami ilmu agama terlebih dahulu untuk menghasilkan sebuah filem Islamik yang sebenar. Bukannya hanya sekadar memandang aspek sambutan penonton dan keuntungan semata-mata. Dimanakah letaknya nilai Islam dalam industri perfileman kita sekiranya karyawan berfikiran seperti ini?

Mereka seharusnya lebih arif tentang ilmu agama sebelum menghasilkan filem bergenre Islamik. Mereka juga boleh mendapatkan nasihat dari pakar-pakar agama sekiranya mereka kurang pemahaman dimana-mana. Banyak alternatif yang boleh diambil untuk menyemarakkan lagi filem bercorak Islamik ini supaya dapat memupuk semangat generasi muda untuk mendalami agama Islam. Sesungguhnya media massa kini sangat membantu dalam penyebaran dakwah sejajar dengan arus pemodenan masyarakat kita.

Rujukan :
1. Dato' Ismail Kamus, Indahnya hidup bersyariat (2010)
2. Finas.gov.my
3. Syeikh Hassan Ayyub, Fikih Keluarga (2012)

---

mendapatkan data peribadi dan nombor telefon penjual untuk berkomunikasi lebih lanjut mengenai kualiti dan spesifikasi barang yang ditawarkan. Selain itu, pembeli juga perlu melihat testimoni dari pengguna bagi memastikan produk tersebut benar-benar berkesan seperti produk penjagaan kulit wajah dan sebagainya. Disamping itu, pembeli juga boleh melihat kedudukan produk tersebut di laman sesawang lelong.my kerana melalui laman sesawang tersebut pembeli boleh melihat kedudukan produk tersebut dari pembeli yang lain.

Kesimpulannya, sebagai pembeli kita haruslah mengambil langkah yang bijak dalam setiap pembelian yang akan dibuat. Sebagai pembeli yang bijak kita haruslah menyemak terlebih dahulu tentang latar belakang syarikat tersebut. Pembeli juga perlu mempunyai pengetahuan tentang produk yang ingin dibeli agar tidak mudah ditipu oleh penjual dengan sewenang-wenangnya.



Eksplorasi bumi Kemboja

Oleh **MUHAMMAD SUHAIB MOHD SHAPIEE**

Pesawat Air Asia AK944 baru sahaja berlepas dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA). Pemandangan tanah airku kian sayup kehilangan. Kini aku berada di paras ketinggian 35,000 kaki dari bumi. Aku melihat pemandangan awan yang cukup indah. Perjalanan aku pada kali ini menghala ke bumi Kemboja. Aku sungguh gembira. Bak kata pepatah " jauh perjalanan, luas pandangan ".

Jam digitalku menunjukkan pukul 4.30 petang waktu Kemboja. Aku melihat daratan di sisi tingkap kapal terbang. Alhamdulillah kami mendarat dengan selamat di Lapangan Terbang Antarabangsa Phnom Penh. Misi pada kali ini di bumi Kemboja adalah untuk melakukan khidmat masyarakat bersama enam orang doktor, tiga orang sukarelawan dan seorang jurugambar. Antara khidmat masyarakat yang kami akan laksanakan di beberapa perkampungan Islam adalah melakukan gotong-royong, menyampaikan makanan asas kepada keluarga miskin, pemeriksaan kesihatan dan bantuan ubat-ubatan.

Aku mula menolak troli barang yang dibawa keluar menuju pintu utama. Ustaz Wahid sedang menanti kedatangan kami di pintu ketibaan. Ustaz Wahid merupakan orang Kemboja yang berketurunan Cham dan fasih bertutur bahasa Melayu. Kami mula memunggah barang yang dibawa masuk ke dalam perut van. Sebanyak dua buah van disediakan untuk eksplorasi pada kali ini.

Ustaz Wahid memperkenalkan dua orang ustaz yang ditugaskan membantu kami sepanjang berada di Kemboja iaitu Ustaz Ismail dan Ustaz Mokhtar. Secara tidak langsung mereka berdua akan menjadi penterjemah bahasa kerana mereka amat fasih berbahasa Melayu dan pernah belajar di sebuah sekolah iaitu Ma'had Attarbiyah Al-Islamiyah (MATRI), Perlis mengambil Marhalah Khassah (tingkatan enam) untuk menduduki peperikasan Sijil Tinggi Agama Islam Malaysia (STAM) selama dua tahun.

Tiba-tiba perutku berbunyi tanda kelaparan.

Tanpa melenggahkan masa, kami meneruskan perjalanan menuju ke Hotal Khemer Royal untuk meletakkan barang yang tidak diperlukan. Mataku memandang pemandangan di bandar Phnom Penh. Aku menjadi terdiam seketika kerana melihat suasana lalu lintas yang tidak terurus dengan baik. Walaupun terdapat lampu isyarat tetapi mereka tidak mempedulikan. Ada kenderaan yang bertentangan arus, ada motosikal yang dinaiki seramai empat orang dan sentiasa bunyi hon sentiasa kedengaran tetapi yang peliknya, sepanjang perjalanan aku ke tempat penginapan tidak ada satu pun kemalangan jalanraya berlaku.

Pada hari pertama kami diberi peluang untuk melakukan aktiviti bebas dengan syarat passport mesti sentiasa berada di sisi kerana ingin mengelakkan perkara yang tidak diduga berlaku. Aku mengambil peluang ini untuk meneroka sedikit tentang bandar Phonm Penh dengan mengambil keputusan untuk berjalan di sepanjang persisiran Sungai Mekong yang terletak di hadapan hotel. Aku melihat suasana masyarakat setempat yang pelbagai ragam, ada yang meminta sedekah, ada yang bermain sepak raga secara berkumpulan ada yang berniaga dan pelbagai lagi. Setelah hampir dua jam aku berjalan, aku pulang ke hotel untuk berehat dan makan malam.

Hari ketiga. Van mula memasuki jalan Kampung Baianlong. Tidak ada sedikit pun tar yang diturap malah hanya tanah merah sebagai penganti. Jalan berlubang sana sini. Debu merah berterbangan mengotori badan van. Sedih melihat keadaan jalan. Hatiku bertanya bagaimana pula keadaan penduduk kampung.



[ATAS] LECAK...salah satu kawasan pasar utama yang digunakan oleh penduduk tempatan untuk mencari barang keperluan. [KIRI] LAZAT...inilah makanan tradisional masyarakat Islam Kemboja iaitu isi durian dicampurkan dengan telur itik dimakan bersama pulut.

Aku diberitahu oleh Ustaz Ismail bahawa penempatan orang Islam Kemboja dipecah-pecahkan supaya tidak duduk setempat kerana bimbang Islam akan bangkit dan tersebar diseluruh bumi Kemboja. Mataku melirik pemandangan luar yang masih hijau tidak terusik arus pembinaan.

Empat jam perjalanan kami dari bandar Phnom Penh menuju ke Kampung Baianlong. Ketika hampir sampi ke Masjid Muktasim, ramai kanak-kanak mengekori van barangkali mereka menanti kedatangan kami. Setibanya di masjid berkenaan, kami diserbu oleh kanak-kanak meminta cokelat tetapi berjaya dikawal oleh ustaz yang berada di masjid berkenaan. Sedikit majlis ringkas dilakukan sempena kedatangan kami dan mereka dimaklukan dengan aktiviti yang akan dijalankan. Selesai majlis ringkas tersebut, aktiviti gotong-rotong dimulakan serentak dengan pemeriksaan kesihatan. Aku melihat keadaan kampung yang begitu kotor dengan sampah bertaburan merata tempat dan bau busuk kanak-kanak tidak mandi. Aku sedih kerana orang Islam di Kemboja tidak mempunyai kesedaran tentang kebersihan. Aku melihat seorang anak kecil memakai baju yang comot lagi lusuh dan tidak berseluar. Terdetik dihatiku mengatakan, aku amat bersyukur kerana berada di Malaysia dan amat simpati dengan nasib mereka di bumi Kemboja.

Aku melihat keadaan Kampung Baianlong umpama zaman 60-an di Malaysia kerana keadaan mereka yang serba kekurangan. Rata-rata penduduk di perkampungan itu bekerja sebagai petani dan rumah mereka tidak mempunyai bekalan elektrik dan tandas. Aku dan dua orang sukarelawan dan seorang doktor berpeluang berkunjung ke rumah yang terpilih untuk menyampaikan bantuan makanan asas dan pemeriksaan kesihatan secara percuma. Melihat keadaan dalam salah sebuah rumah yang dikunjungi amat daif. Mereka tidur berlantaikan buluh sahaja dan berbumbungkan jerami.

Setelah sehari suntuk kami mengadakan aktiviti di Kampung Baianlong, kami mula mengemas segala peralatan yang dibawa untuk bergerak pulang ke tempat penginapan. Sebelum bergerak pulang, penduduk kampung menyediakan jamuan khas untuk kami. Aku terharu seketika kerana kasihan terhadap penduduk yang kelihatan miskin sanggup bersusah payah menyediakan makanan tradisional mereka. Ketika aku berjalan menuju tempat makan, aku terlihat durian dikupas dan isinya diletakkan kedalam sebuah bekas besar serta dicampurkan dengan telur itik. Aku terpaku kerana mereka meramas - ramas isi durian tersebut dengan telur itik menggunakan tangan mereka. Aku berasa mual.

Makanan dihidangkan untuk kami semua dan aku melihat isi durian yang dibuatkan oleh mereka sebentar tadi membuatkan aku tidak lalu untuk menjamah. Tetapi melihat air muka mereka yang ikhlas menyediakan makanan tradisional itu membuatkan aku rela hati untuk merasa sedikit isi durian tersebut dengan sebuku roti. Sedap. Aku menambah lagi. Kesedapan yang dirasai menghilangkan rasa mual ditekakku.

Sebelum bergerak pulang, kami bergambar dengan semua penduduk yang hadir bersama menjayakan program khidmat masyarakat. Satu kenangan yang diukir dalam ingatanku. Berjaya melihat keadaan bumi Kemboja dan mendapat pengalaman yang berharga di tempat orang. Sungguh aku gembira dengan perjalanan pada kali ini dan melihat sendiri keadaan masyarakat Islam Kemboja di kampung Baianlong. Perkara yang paling aku akan ingat sampai mati adalah cara mereka menyediakan makanan tradisional.

Solat tiang agama

Oleh **NABILAHAISAH TAWANG**

Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dengan kerjasama Pusat Islam Universiti Sains Malaysia (USM) mendapati masih ada kekeliruan dalam mengerjakan ibadah solat dalam kalangan siswa-siswi USM. Oleh itu, program Bengkel Solat Sempurna telah dijalankan di Dewan Kuliah Sains Kemasyarakatan 3 pada 7 Mac lalu.

Naib Yang DiPertua MPP, Mohamad Khairul Anam Masal berkata, program ini bertujuan memperbetulkan solat yang mana melibatkan bacaan, perbuatan dan hati seseorang. Walaupun hanya 180 orang siswa-siswi yang terlibat, namun MPP akan terus mengadakan program-program melibatkan fardhu ain pada masa akan datang.

"Sebelum peperiksaan pada hujung semester ini, MPP akan mengadakan program fardhu ain yang lain pula seperti bengkel tayamum, solat ketika sakit, bengkel zakat dan puasa. Dengan adanya pendedahan sebegini, saya yakin siswa-siswi mampu menjadi contoh serta mengajar ilmu ini pada orang lain juga", ujarnya lagi.

Sepanjang program berlangsung dari jam 9 pagi hingga kira-kira 4 petang, siswa-siswi didedahkan dengan cara-cara beribadah yang bermula daripada slot muqadimah, berwudhuk, cara solat, bacaan dan solat jamak serta qasar. Beberapa penceramah jemputan terlibat seperti Ustaz Mohammad Shukri Osman, Ustaz Iswandi Abd Mokmin, Ustaz Zayd Zhari dan Ustaz Mohd Zamrus Mohd Ali.

Nur Nadzirah Rosde, Ilmu Pendidikan 1, berpendapat bahawa pengisian dalam program ini amat sesuai didedahkan kepada siswa-siswi bagi melengkapkan lagi ibadah solat harian sekali gus dapat mengeratkan silaturrahim serta ukhwah.

Program ini bertujuan memperbetulkan solat yang mana melibatkan bacaan, perbuatan dan hati seseorang.

LIMA'15 buka minda anggota PALAPES terhadap ilmu maritim dan aeroangkasa



Insiden dua pesawat KT-13 dari Jupiter Aerobatic Team milik Angkatan Udara Tentera Nasional Indonesia (AU-TNI) yang terhempas 15 Mac lalu sedikit pun tidak menjejaskan kelancaran acara tahunan LIMA'15 itu dengan memperlihat pelbagai aksi pertunjukkan maritim dan aeroangkasa yang menggamit perhatian para penonton

Lawatan ini bertujuan untuk menambah ilmu pengetahuan mengenai aeroangkasa dan maritim dalam diri anggota pegawai kadet PALAPES.

Acara tahunan Langkawi International Maritime and Aerospace (LIMA) 2015 kali ke 13, memberi peluang seramai 140 anggota pegawai kadet Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (PALAPES) Universiti Sains Malaysia (USM) untuk mengadakan lawatan ke Langkawi, Rabu, 18 Mac lepas.

Yang diPertua Kelab rekreasi PALAPES Laut USM, Muhammad Asraf Husnil berkata, lawatan ini bertujuan untuk menambah ilmu pengetahuan mengenai aeroangkasa dan maritim dalam diri anggota pegawai kadet PALAPES. Menurutnya, lawatan ini adalah perintis kepada pegawai kadet untuk menjayakan program yang berkaitan dengan ketenteraan pada masa hadapan bagi menggalakkan lagi penyertaan siswa-siswi USM dalam PALAPES pada sidang akan datang.

Lawatan turut menyaksikan pertunjukan udara oleh jet pejuang yang melibatkan negara-negara ASEAN dan pameran udara yang diadakan di Pusat Pameran Antarabangsa Mahsuri (MIEC), Langkawi.Turut hadir mengikuti lawatan tersebut Pengerusi Rancangan PALAPES USM, Kapten Mohd Hazizan Mohd Hashim, selaku Pensyarah Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan dan Sumber Mineral USM, meskipun beliau baru sahaja pulang dari Acheh, Indonesia setelah terlibat dalam kemalangan di sana baru-baru ini.

Ubah sikap memandu

Majlis Keselamatan Jalan Raya (MKJR) Pulau Pinang mensasarkan kematian sifar akibat kemalangan dan tahap keselamatan jalan raya setanding dengan negara maju pada tahun 2020. Remaja menjadi golongan tertinggi dalam statistik kemalangan maut setiap tahun.

Pengarah Jabatan Keselamatan Jalan Raya Pulau Pinang, Muhamad Husni Mahmud berkata, pengguna jalan raya dalam lingkungan 16 hingga 40 tahun adalah penyumbang utama kematian akibat kemalangan jalan raya. Statistik menunjukkan tahun 2012 hingga 2014 iaitu sebanyak 400 telah menurun kepada 377 kematian.

"MKJR adalah memberi pendedahan dan pendekatan keselamatan jalan raya kepada pengguna. Antaranya adalah seperti menasihatkan supaya pengguna jalan raya merancang perjalanan, mengikut had laju ditetapkan, memberi isyarat dan peraturan ketika menukar lorong", katanya lagi semasa menyampaikan ceramah Keselamatan Lalu Lintas dan Jalan Raya di Kompleks Cahaya Siswa, Universiti Sains Malaysia (USM) 11 Mac lalu.

Yang DiPertua Sekretariat Keselamatan Jalan Raya (SKJR) USM, Khairul Mohd Habibollah berkata, SKJR USM ditubuhkan pada 25 November 2014 oleh Pengarah Jabatan Keselamatan Jalan Raya Malaysiam, Dato' Tam Weng Wah. Penubuhan ini bagi membawa kesedaran terhadap orang awam, khususnya siswa-siswi USM tentang keselamatan sewajarnya di jalan raya.

"Objektif SKJR adalah untuk mendidik orang awam dan siswa-siswi USM agar lebih peka dan mematuhi peraturan serta undang-undang. Selain itu, menyemai sifat-sifat bertimbang rasa dan bertoleransai dalam kalangan pengguna jalan raya", jelasnya lagi.

Nor Afifah Abd Razak, Ilmu Kemanusiaan 3, berpendapat bahawa pendedahan berkenaan keselamatan jalan raya perlu diadakan dengan lebih kerap lagi dan melibatkan semua warga kampus. Beliau juga yakin bahawa kemalangan maut dapat dielakkan jika semua pengguna jalan raya mematuhi peraturan dan sedar akan tanggungjawab masing-masing.

Objektif SKJR adalah untuk mendidik orang awam dan siswa-siswi USM agar lebih peka dan mematuhi peraturan serta undang-undang.

Gender bukan penghalang wanita ceburi bidang kejuruteraan

Oleh **MUHAMAD RIDZWAN MD ALI**

Program Women Engineer in Society anjuran Sekretariat Pembangunan Hal Ehwal Wanita Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Universiti Sains Malaysia (USM) mendedahkan bahawa kursus kejuruteraan adalah satu cabaran buat golongan siswi untuk menempatkan diri mereka dalam bidang itu.

Menurut jurutera, Ir. Catherine Sim Siew Ping, seramai 70 peratus lelaki memasuki bidang kejuruteraan manakala 30 peratus selebihnya adalah wanita. Namun ini tidak menjadi penghalang bagi wanita untuk bekerja sebagai jurutera kerana wanita mampu bekerja dengan lebih efisyen.

"Wanita yang ingin memasuki bidang kerjaya sebagai jurutera perlu mempunyai keyakinan diri yang tinggi kerana mereka akan menghadapi cabaran iaitu mereka akan bekerja dengan persekitaran yang mempunyai ramai golongan lelaki. Perkara ini membuktikan bahawa golongan wanita bukan lemah kerana mereka mampu melakukan tugas lelaki selain daripada menjadi suri rumah tangga", katanya.

Menurut Pengarah Projek Women Engineer in Society, Nur Shahira Hameed, program ini memberi pendedahan kepada siswi-siswi Kampus Kejuteraan bahawa mereka mampu memasuki ruang kerja itu walaupun pada hakikatnya mereka dikatakan sebagai golongan minoriti dalam kerjaya tersebut.

"Program ini juga menjemput tetamu khas seperti Penolong Pengurus Jabatan Perancangan dan Pembangunan (PBAPP) Sdn. Bhd, Ir. Tean Sze Nee, untuk berkongsi ilmu dan pengalaman sebagai wanita yang bertugas dalam bidang kejuruteraan kepada siswi-siswi USM", katanya lagi.

Program yang berlangsung di Dewan Peperiksaan Baru, Kampus Kejuruteraan USM baru-baru ini juga mendapat perhatian golongan siswa untuk turut serta menghadiri ceramah yang diadakan. Program tersebut merupakan kerjasama antara MPP USM bersama Career Fair dan Institusi Jurutera Malaysia (cawangan pelajar).

Namun ini tidak menjadi penghalang bagi wanita untuk bekerja sebagai jurutera kerana wanita mampu bekerja dengan lebih efisyen.

Penting pengurusan kewangan dalam Islam

Persatuan Pelajar Pusat Pengajian Pendidikan Jarak jauh (PPPJJ) Universiti Sains Malaysia (USM) mendedahkan kepentingan pengurusan dan perancangan dalam semua urusan kehidupan terutama berkaitan dengan pengurusan harta dan kewangan dalam program ceramah keusahawanan Al Falah, aras utama perjuangan seorang usahawan yang membawa kejayaan dunia dan akhirat, baru-baru ini.

Penolong Naib Presiden, Ustaz Wan Mohd Nazman berkata, kenaikan taraf hidup memberi kesan kepada masyarakat hari ini. Masyarakat seharusnya tahu perancangan kewangan secara Islam menurut al-Quran dan hadis.

"Siswa-siswi akan berhadapan dengan cabaran di luar sana setelah mereka tamat belajar. Mereka harus peka terhadap urusan jual beli berdasarkan landasan agama dan perlu mengambil tahu sama ada segala urusan jual beli yang dilakukan berbentuk konvensional atau secara Islam", katanya.

Dalam Islam, mengurus dan membelanjakan harta adalah amanah Allah. Ia adalah satu keperluan untuk mencapai kehidupan yang diberkati. Perspektif yang tepat terhadap harta adalah memastikan seseorang itu mencapai kejayaan dunia dan akhirat menerusi hartanya.

Beliau juga mengingatkan usahawan agar cara yang terbaik untuk melakukan penyucian harta adalah dengan mengeluarkan zakat dan melakukan sedekah jariah bagi mereka yang beragama Islam sebagai salah satu langkah untuk berjaya dalam perniagaan sebagai usahawan.



JELAS... Penerangan yang diberikan oleh Ustaz Wan Mohd Nazman dari Takaful Ikhlas Berhad tentang perancangan kewangan dalam Islam di Dewan Tuanku Syed Putra (DTSP) Universiti Sains Malaysia (USM).

Meganivaljaya 2015 meriahkan suasana Kampus Kejuruteraan



MANTAP... Persembahan dari kumpulan The Shout Story memeriahkan pengunjung pada malam penutup Meganivaljaya 2015 di kafe Desasiswa Lembaran, Kampus Kejuruteraan USM.

Biarpun ianya dianjurkan dalam keadaan sederhana, namun sambutan Meganivaljaya 2015 anjuran Desasiswa Jaya Universiti Sains Malaysia (USM) Kampus Kejuruteraan dan penyertaan dari kalangan siswa-siswi cukup memberangsangkan serta meriahkan suasana kampus sejak 13 hingga 15 Mac yang lalu.

Pengarah Projek Meganivaljaya 2015, Akmal Rafiq Akashah merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak yang terlibat dalam penganjuran program kali ini.

"Ini kali ketiga penghuni Desasiswa Jaya menganjurkan program seumpama ini dengan melibatkan siswa-siswa Kampus Kejuruteraan USM. Penganjuran kali ini memberikan kebebasan kepada semua siswa-siswi untuk menyertai pelbagai aktiviti seperti running man, kayak, bubble blowing dan pelbagai lagi acara menarik perhatian siswi-siswi kampus kejuruteraan", katanya.

Acara sukan kayak merupakan aktiviti yang menarik kerana menunjukkan sikap kerjasama dalam permainan di samping menguji kekuatan fizikal dan mental siswa-siswi.

Nabil Rahimi, Kejuruteraan Awam 3, berkata Meganivaljaya yang dijalankan dapat memeriahkan suasana kampus menjelang hujung minggu. Berikutan kedudukan kampus yang jauh dari bandar menyebabkan warga kampus sendiri yang cuba menghidupkan suasana kampus bagi mengisi masa lapang mereka.

Turut diadakan bagi memeriahkan program kali ini ialah pelbagai jenis gerai jualan yang melibatkan peniaga-peniaga dari luar dan dalam kampus sepanjang program tersebut diadakan.

Nikah khitbah budaya asing di Malaysia

Oleh **AISHAH HANIS AZMI**

Program Couple halal@nikah khitbah anjuran Persatuan Mahasiswa Islam Universiti Sains Malaysia (PMI USM) mendapat sambutan yang menggalakkan dengan kehadiran 600 siswa-siswi di Dewan Kuliah Sains Kemasyarakat 4 malam semalam.

Pendakwah bebas, Ustaz Fawwaz memulakan bicaranya dengan memberikan definisi nikah khitbah atau dikenali dengan nikah gantung. Nikah gantung ialah perkahwinan yang dipersetujui kedua belah pihak untuk berkahwin tetapi tidak hidup di bawah satu bumbung yang sama atas beberapa sebab misalnya tuntutan kerja, masih belajar dan lelaki yang belum bersedia untuk menjadi ketua keluarga.

"Namun, masyarakat di negara kita menganggap ia satu budaya yang asing tanpa mengetahui kebaikan nikah gantung. Jika dilihat nikah gantung ialah satu perkara yang baik berbanding bercinta dan bertunang dalam tempoh masa yang lama kerana dikhuatiri mengundang berlaku zina", tegasnya.

Mantan pimpinan PMI USM 2010/2011, Afifah Yusof berkata sebelum melangkah ke gerbang perkahwinan perkara utama yang dilakukan adalah memperbaiki dan menyiapkan diri kita sendiri. Kita boleh meningkatkan ilmu dengan menyertai majlis ilmu, amalkan amalan wajib disertai amalan sunat. Bagi kaum perempuan sebelum melangkah ke gerbang perkahwinan perlulah belajar ilmu dalam menguruskan rumahtangga.

"Untuk mendapatkan satu perhubungan yang diberkati, kita perlu memohon kepada Allah agar hubungan yang kita bina mendapat berkat. Restu ibu bapa penting diikuti dengan niat dan sikap yang positif. nUntuk memulakan hidup bersama, kita perlukan sifat yang ikhlas dan redha untuk menerima kekurangan pasangan kelak", jelasnya.

Ustaz Fawwaz berkata, perkahwinan ialah satu fitrah namun jika ilmu yang ada masih kurang akan menyebabkan berlakunya kes cerai. Kes cerai hari ini melibatkan anak-anak muda yang berumur sekitar 20 hingga 30 tahun. Hal ini menimbulkan keresahan kerana jumlah orang berkahwin meningkat seiring pasangan bercerai kerana kurangnya ilmu.

"Sebelum berkahwin, ilmu yang perlu ada ialah percaya kepada Allah untuk membimbing pasangan kearah kebaikan, ingatlah tujuan sebenar untuk berkahwin, belajar untuk bersabar dengan pasangan anda, tahu perkara asas fardhu ain, mempunyai kesihatan yang baik, mempunyai kemampuan untuk menjaga pasangan dan belajar kemahiran asas dalam rumahtangga",terangnya lagi.

"Saya tegaskan lagi disini agar kita sama-sama menghidupkan dan menghayati budaya nikah Khitbah atau nikah gantung dalam diri seterusnya dalam masyarakat. Jika dapat melaksanakannya pada hari ini, kita boleh menghindarkan diri daripada berlakunya zina", akhirinya.

Azhar Jalil pukau penonton

Bual bicara Soft Skill and Personel Grooming anjuran Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dengan kerjasama kelab-kelab di bawah Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia (USM) telah berlangsung di Dewan Pembangunan Siswa 2 pada 18 Mac lalu.

Bual bicara ini dikendalikan oleh Khairul Azhar Abdul Jalil, 29 selama hampir tiga jam dengan kupasan yang bermanfaat kepada siswa-siswi untuk menghadapi alam pekerjaan kelak.

Beliau yang merupakan alumni USM telah banyak mengharumkan nama universiti terutamanya dalam pementasan teater seperti Teater P.Ramlee dan Tun Mahathir Musikal.

Kini, beliau mempunyai syarikat sendiri pada usia yang mudah iaitu Meow-Meow International Sdn Bhd yang menawarkan perkhidmatan dari segi pembangunan insaniah dalam diri pelajar.

Bual bicara ini menyentuh mengenai personel grooming yang dihuraikan dengan menggunakan formula SEX (Smile, Eye-contact, X-citement).

"Kemahiran insaniah pula tidak kurang pentingnya dan diambil kira oleh bakal majikan semasa proses pengambilan kerja. Persediaan siswa-siswi sebelum masuk ke alam pekerjaan adalah perlu ada sikap positif, etika kerja yang kuat, pengurusan masa yang berkualiti, bijak menyelesaikan masalah dan mahir berkomunikasi dan berupaya bekerja secara berkumpulan", jelas beliau.

"Keyakinan diri, boleh menerima kritikan dan mengambil iktibar, fleksibel dan bijak menyesuaikan diri serta bekerja dengan baik dalam tekanan juga termasuk dalam kemahiran insaniah yang perlu diterapkan dalam diri", katanya.

"Kadang-kala masalah perlu ada untuk menguji tahap kemampuan kita menyelesaikannya. Ini akan dapat menjadikan seseorang itu maju setapak ke hadapan", tambahnya.

Menurut Pengarah Projek Soft Skill and Personel Grooming, Nurceria Husna Mohamad Arif, bual bicara ini bertujuan membantu menyiapkan diri siswa-siswi ke alam pekerjaan serta membentuk diri yang seimbang dari segi intelektual dan insaniah.

Raihan terharu sambutan warga USM



MERIAH...Raihan dengan gelagat kanak-kanak yang memeriahkan lagi Konsert Nostalgia Bersama Raihan.

Konsert Nostalgia Bersama Raihan berlangsung 6 Mac lalu di Dewan Tuanku Syed Putera, Universiti Sains Malaysia (USM) meriah dengan persembahan yang disaksikan oleh 2,000 penonton yang hadir pada malam tersebut.

Raihan telah membuktikan bahawa irama nasyid yang mereka bawakan sejak 19 tahun lalu bukanlah muzik sembarangan. Konsert anjuran Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dengan kerjasama Masjid Al-Malik Khalid ini menunjukkan bahawa kumpulan nasyid ini masih mendapat sambutan yang hebat daripada warga USM sendiri.

Thank You Allah, Iman Mutiara, 10 Malaikat dan *25 Rasul* antara lagu yang disampaikan dalam konsert tersebut. Setiap lirik-lirik lagu yang disampaikan berunsurkan dakwah, sangat mudah difahami oleh semua lingkungan umur masyarakat termasuk kanak-kanak. Ini adalah salah satu cara untuk menarik orang ramai mendalami dan mengenali Islam itu sendiri.

Salah seorang anggota Raihan, Che Amran Idris menzahirkan rasa kagum, berpuas hati dan terharu dengan sambutan positif yang diberikan oleh para penonton. Mereka sangat peramah dan masih mengingati lagu-lagu Raihan walaupun telah lama.

"Jelajah Universiti Awam (UA) ini juga bakal diadakan di beberapa tempat seperti Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Putra Malaysia (UPM) untuk menarik lebih ramai generasi muda untuk mendekati Islam melalui nasyid", katanya kepada Berita Kampus.

Menurut Pengarah Projek Konsert Nostalgia Bersama Raihan, Mohamad Hafiz Adisman, konsert ini diadakan adalah untuk memberi pendedahan kepada warga USM tentang budaya hiburan yang tidak melalaikan dan mudah difahami seperti lagu-lagu Raihan yang semestinya padat dengan mesej bermanfaat kepada setiap individu.

"Saya dan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), USM akan menjemput Raihan sekali lagi untuk menghiburkan peminat-peminat mereka di sini", tambahnya.

PMI anjur bengkel asas laman web

Bengkel asas laman web telah dianjurkan oleh Persatuan Mahasiswa Islam (PMI) Lajnah Penerbitan dan Multimedia USM bertempat di Dewan Persidangan Idris Babjee, Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan pada 7 Mac yang lalu.

Bengkel tersebut bertujuan mendedahkan kepada siswa-siswi kaedah membina laman web (website) dan meluaskan bidang penulisan dakwah dalam media khususnya kepada golongan remaja.

"Seramai 34 peserta yang terdiri daripada pelbagai bangsa mengikuti bengkel ini dan fokus kami adalah kepada peserta yang berminat untuk mempelajari asas mencipta laman web", jelas Pengarah projek Bengkel asas laman web, Muhammad Rizal Abd Kader.

Menurutnya lagi, strategi yang digunakan untuk mencapai objektif adalah menjemput tenaga pengajar yang mahir dalam bidang laman web iaitu Encik Hamizi. Beliau ialah jurutera Industrial Automation Sdn.Bhd dan juga pengasas syarikat Litescape Resourses.

"Pengajaran dibahagikan kepada dua sesi iaitu pagi dan petang. Pelajar juga telah didedahkan mengenai konsep laman web iaitu "domain name" dan "hosting", jenis-jenis laman web, tujuan laman web dibina dan kepentingan laman web dalam konteks dunia hari ini", jelasnya.

Menurut Siti Farhana Misran, Teknologi Industri, 1, siswa-siswi USM perlu mempunyai ilmu dalam bidang multimedia supaya mampu menjadi pemimpin yang mampu berdaya saing dengan masyarakat masa kini. Selain itu, bengkel ini memberi manfaat kepadanya dari aspek pendekatan dan kaedah membina laman web dengan betul.

"Peserta diharapkan dapat memanfaatkan ilmu laman web ini dan latihan yang berterusan adalah cara yang terbaik untuk mengasah bakat dan kemahiran peserta dalam bidang ini", jelas Rizal kepada Berita Kampus.

Reducing crimes comes first



Universiti Sains Malaysia (USM) signed a memorandum of understanding (MoU) with the Institute of Public Security Malaysia (IPSOM), witnessed by Minister of Home Affairs, Dato' Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

By **AU TSE EN NICOLE**

The 9th Forum on Crime and Policing in Malaysia with the title of 'Policing strategies in reducing violent crimes' was held at Dewan Tuanku Syed Putra (DTSP), Universiti Sains Malaysia (USM) on 12th March 2015.

Attended by the Minister of Home Affairs, Dato' Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, the forum was organised by School of Social Sciences, USM, in collaboration with the Ministry of Home Affairs, Institute of Public Security of Malaysia (IPSOM), Malaysia Crime Prevention Foundation (Federal), Malaysia Crime Prevention Foundation (Penang Chapter), Security Department of USM, Penang Police Contingent, Royal Malaysian Police (PDRM), and Penang Education Department.

Speaking about crime, the Vice Chancellor of USM, Prof Dato' Dr Omar Osman said it is an undeniable fact that there are crimes happening around us.

"Crime is not something we want to live with, but definitely we have to live with it", said Dr Omar Osman in his speech.

On the other hand, Zahid said tackling the crimes will always be the first agenda in the country, and this task would be carried by PDRM and other related agencies.

"Although the crime rates has decreased 30%, majority of the public are still having negative perception towards PDRM", he said.

"I hereby would like to congratulate PDRM Penang for doing very well in decreasing the crime rates", said Zahid.

Witnessed by Dato' Zahid, USM signed a memorandum of understanding (MoU) with the Institute of Public Security Malaysia (IPSOM) on information, knowledge and expertise sharing about safety and welfare in Malaysia.

USM was represented by Prof Dato' Dr Omar Osman, while IPSOM was represented by Dato' Sri Ismail Abdul Rahman.

Penghuni IK sambut baik IK Go Green

Program IK Go Green yang dianjurkan oleh Majlis Penghuni Desasiswa Indah Kembara (MPD 1K) baru-baru ini disambut dengan baik oleh penghuni Desasiswa IK dan desasiswa lain.

Menurut pengarah projek IK Go Green, Nur Hayati Abdul Rahim, Desasiswa IK telah menganjurkan program ini sebanyak tiga kali termasuk kali ini.

Tujuan utama program ini dianjurkan adalah untuk membantu hasrat Universiti Sains Malaysia (USM) dalam wawasan 'Mentransformasikan Pengajian Tinggi untuk Kelestarian Hari Esok'.

"Kita maklum, USM mengamalkan konsep kelestarian di dalam kampus di mana bahan yang tidak digunakan akan dikitar semula. Selaras dengan itu, AJK IK Go Green menyahut hasrat USM dengan mengumpul bahan-bahan untuk dikitar semula dan dijual kepada 'vendor'.

Hasil jualan tersebut kami akan gunakan untuk aktiviti-aktiviti yang akan dijalankan pada masa akan datang", tegasnya,

Bendahari Kehormat MPD IK, Nurul Hayyi Yusof berkata beliau dan AJK IK Go Green memberikan mata MyCSD kepada semua yang menyumbang bahan untuk dikitar semula dan menawarkan hadiah yang menarik kepada siswa-siswi yang berjaya mengumpul bahan dikitar semula paling banyak.

"Setiap dua minggu kami akan mengadakan program ini dan memilih peserta yang paling banyak menyumbang. Pada minggu ini, kami mendapat pemenang di mana jumlah keseluruhan barang yang dikitar semula sebanyak 6.38 kg yang terdiri daripada botol minuman dan tin biskut", jelasnya.

"Kami juga tampil dengan konsep yang berbeza pada kali ni berbanding yang terdahulu di mana konsep sebelum ini MPD IK atau AJK IK Go Green akan naik ke setiap aras. Pada kali ini kami wujudkan satu pusat pengumpulan sementara di kafeteria IK dan pada masa yang sama kami akan naik ke bilik", jelasnya kepada Berita Kampus.

Menurut salah seorang peserta, Nik Nur Maryam berkata beliau yang pernah mengikuti kelab Kampus Sejahtera USM sedikit sebanyak terbiasa dengan penggunaan barang kitar semula.

Beliau akan menyimpan botol air mineral yang sudah digunakan dan disimpan untuk diserahkan kepada mana-mana pihak yang menganjurkan program kitar semula.

Hayyu berkata, hari ini beliau melihat perubahan yang positif dalam diri siswa-siswi dan kesedaran dari banyak pihak terutama desasiswa lain yang turut serta menjalankan program sebegini.

"Kita perlu menghayati makna kelestarian dan perlu mula dari kelompok yang kecil dan akan tersebar luas ke merata tempat", tambah Hayyu lagi.

Menurut salah seorang peserta, Nik Nur Maryam berkata beliau yang pernah mengikuti kelab Kampus Sejahtera USM sedikit sebanyak terbiasa dengan penggunaan barang kitar semula. Beliau akan menyimpan botol air mineral yang sudah digunakan dan disimpan untuk diserahkan kepada mana-mana pihak yang menganjurkan program kitar semula.

CDAE perkenal bengkel 'Lunch And Learn'

Pusat Kecemerlangan Akademik, Penasihatan dan Pembangunan Pelajar (CDAE) Universiti Sains Malaysia (USM) telah memperkenalkan siri bengkel terbuka 'Lunch and Learn Workshop' mulai 9 Mac lalu.

Menurut Pengerusi Rancangan CDAE, Prof. Madya Dr. Rozinah Jamaludin, konsep bengkel "Lunch And Learn" diilhamkan oleh konsep 'student lounge' yang terdapat di negara-negara Barat, di mana pelajar-pelajar dapat beristirehat dan makan sambil belajar mengenai pelbagai topik.

"Siri bengkel ini dibahagikan kepada 6 modul utama iaitu kemahiran pembelajaran, kemahiran berfikir, nilai, pengurusan masa, komunikasi dan kemahiran sosial dan interpersonal, di mana pensyarah dan pegawai penyelidik daripada pelbagai pusat pengajian akan menjadi fasilitator secara sukarela," jelas Dr. Rozinah.

Dr. Rozinah tambah bahawa siri bengkel tersebut yang bersifat bukan kuliah (non-lecture) bertujuan untuk membantu siswa-siswi USM untuk membangunkan kemahiran akedemik dan insaniah dalam cara yang lebih seronok dan praktikal.

Daripada segi sambutan, seramai 140 orang pelajar daripada pelbagai pusat pengajian telah mendaftar dan hadiri bengkel pertama dalam siri 'Lunch and Learn' ini, iaitu '10 Ways to Master Information'.

"CDAE bangga kerana terdapat wakil pelajar daripada semua tahun pengajian yang telah menghadiri bengkel tersebut dan bukan sahaja pelajar tahun pertama," ulas Dr. Rozinah lagi.

Menurut Farah Liyana Ismail, Ilmu Pendidikan 1, dia telah mempelajari maklumat yang banyak dalam masa sejam bengkel '10 Ways to Master Information' berlangsung manakala Kerry Kh'ng, Sains Kemasyarakatan 3, berpendapat bahawa bengkel tersebut sangat informatif.

CDAE USM, yang telah ditubuhkan sejak tahun 2012, bertujuan untuk mengembangkan program-program pembangunan akademik untuk pensyarah dan siswa-siswi. Siri bengkel 'Lunch and Learn' akan diadakan setiap hari Selasa pada jam 1-2 petang dan siswa-siswi boleh mendapatkan maklumat lanjut di laman Facebook CDAE.

Musim bunga di kampus USM





Menjelang bulan Mac, 'Pokok Sakura Malaysia' mula berbunga di Kampus Induk menambah daya tarikan 'Universiti Dalam Taman' ini. Bunga yang berwarna putih dan merah jambu memberi perasaan seolah-olah berada dalam musim bunga Sakura di Jepun.

'Pokok Sakura Malaysia' sebenarnya dipanggil 'Tecoma' dalam nama saintifiknya. Ia hanya berbunga sekali sepanjang 3 bulan dalam setahun.

[ATAS] Langit bumi USM diwarnai dengan bunga Sakura Malaysia, seolah-olah musim bunga yang menyegarkan.
[KIRI] 'Pokok Sakura Malaysia' yang berwarna merah jambu dipanggil *Tabebuia Rosea* dalam nama saintifiknya.
[BAWAH] Dedaun pokok diganti dengan bunga yang mempesona apabila menjelang musim berbunga.



Air dicincang takkan putus



FILEM Run All Night
GENRE Aksi
PENGARAH Jaume Collet-Serra
PELAKON Liam Neeson, Joel Kinnaman, Ed Harris, Genesis Rodriguez
ULASAN Mohamad Hafiz Adisman

Run All Night merupakan salah satu filem aksi tahun 2015 yang perlu ditonton oleh peminat tegar kaki wayang di Malaysia. Pengarahnya, Jaume Collet-Serra mendapatkan khidmat Liam Neeson, pelakon yang sudah berusia namun sangat hebat dalam filem aksi sebagai pelakon utama filem ini. Selain Liam Neeson, pelakon lain seperti Joel Kinnaman, Ed Harris, dan juga Genesis Rodriguez dipertaruhkan untuk filem ini.

Pada asalnya saya merasakan bahawa filem ini biasa sahaja, tajuk juga tidak menarik perhatian. Tentang pelakon? Jujur saya memang kurang mengenali barisan pelakon-pelakon yang dipertaruhkan. Namun disebabkan ajakan kawan, saya gigihkan juga menontonnya. Perjalanan cerita ini bermula dengan adegan yang boleh dijangkakan jika menonton filem berunsur samseng luar negara. Adegan menggangu isteri rakan yang lain di depan kanak-kanak kecil menunjukkan budaya pergaulan bebas dan tidak hormat terhadap orang lain.

Filem ini mengisahkan seorang pembunuh upahan bernama Jimmy Conlon (Liam Neeson) yang sudah berusia, mempunyai rekod pembunuhan seramai 16 orang mangsa, dan tidak pernah ditangkap serta mempunyai masalah keluarga. Selama berpuluh tahun, Jimmy Conlon bekerja dan bersahabat baik dengan Shawn Maguire (Ed Harris) yang merupakan ketua kongsi gelap berpengaruh dan kaya di Kota New York. Pada suatu malam, anak Jimmy Conlon iaitu Mike Conlon (Joel Kinnaman) telah menjadi saksi kepada pembunuhan yang dilakukan oleh Danny Maguire (Boyd Holbrook), anak kepada Shawn Maguire. Oleh itu, Danny Maguire ingin membunuh Mike Conlon untuk menghapuskan bukti. Namun, belum sempat membunuh Mike, Jimmy Conlon terlebih dahulu membunuh Danny Maguire. Hal ini menyebabkan Shawn Maguire berasa berang terhadap Jimmy Conlon dan ingin menuntut bela atas kematian anaknya itu.

Ini menjadi titik tolak kepada tajuk filem ini, "Run All Night". Jimmy Conlon dan anaknya Mike Conlon dikejar oleh pihak polis dan konco-konco Shawn Maguire sepanjang malam itu. Jimmy ingin memastikan bahawa anaknya itu tidak ditangkap dan selamat dari menjadi mangsa keadaan kerana setengah pihak polis juga menjadi konco kepada kepada Shawn Maguire. Oleh demikian, Jimmy Conlon merancang untuk membawa anaknya ke kabin di tepi tasik yang mereka selalu pergi ketika dahulu sebagai tempat persembunyian.

Menyelusuri filem ini, saya menjangkakan bahawa apabila Mike Conlon (Joel Kinnaman) dikejar oleh Danny Maguire (Boyd Holbrook), dia akan cuba menyelamatkan dirinya dengan gaya tersendiri, namun rupanya diselamatkan oleh bapanya iaitu Jimmy Conlon (Liam Neeson). Fokus utama pengarah bukannya terhadap pelakon muda, namun yang berusia. Pertaruhan ini pada saya sememangnya berbaloi. Walaupun sudah tua, Liam Neeson menyelami watak Jimmy dengan menunjukkan kehebatannya sebagai penembak yang mampu menembak dengan tepat, membuat keputusan yang bijak serta menunjukkan kemahirannya sepanjang beraksi sebagai penjenayah. Sebagai contoh, apabila hendak mencuri kereta, Jimmy menggunakan tali kasut anaknya untuk membuat satu simpulan lantas menyelitkan tali kasut itu di cermin kereta untuk menarik picu pintu kereta.

Dalam filem ini, aksi yang ditonjolkan tidaklah begitu ketara. Hanya adegan kejar-mengejar menggunakan kereta yang kelihatan biasa sahaja, cuma yang mencuit hati apabila penjenayah mengejar kereta polis. Ini adalah sesuatu yang jarang berlaku, namun pengarah ingin menunjukkan betapa seriusnya Jimmy mengejar polis untuk menyelamatkan anaknya. Dari segi dialog dan aksi, boleh dikatakan seimbang dan sesuai untuk filem ini.

Penggunaan gaya bahasa dalam filem ini banyak menggunakan perkataan-perkataan mencarut. Namun, saya kira penggunaan perkataan seperti ini adalah untuk menghidupkan watak kongsi gelap dalam filem ini.

Jalan cerita? Mantap, dan padu, itu yang saya mampu zahirkan. Idea yang menarik oleh penulis skrip. Mungkin kelihatan klise kerana orang yang pernah berbuat salah cuba menebus kesalahan dengan berbuat baik kepada orang lain.

Tapi jalan ceritanya dekat dalam diri kita. Mengapa? Sebab ia berkisarkan keluarga, hubungan antara seorang bapa dan anak. Si bapa, (Jimmy Conlon) ingin hidup normal kembali dan mendapatkan kasih sayang keluarga daripada anaknya, (Mike Conlon) setelah melakukan dosa terhadap manusia di sekelilingnya. Anda boleh bayangkan, jika anda mempunyai masalah dan melayan bapa anda begitu teruk disebabkan meninggalkan keluarga anda. Kemudian bapa anda kembali untuk menyelamatkan anda! Perasaan anak terhadap seorang bapa? Terumbang-ambing, dilema dan meruntun hati. Adakah bapa yang sudah berusia ini mampu menyelamatkan anaknya? Apakah kesudahan filem ini? Jangan tunggu lama-lama, cepat dapatkan tiket anda di pawagam berdekatan sekarang!

Prof Muhaya wanita berjiwa kental

JUDUL Sejernih Sinar Matamu Prof Dr Muhaya
GENRE Biografi
PENULIS Rozninah Abdul Razib
PENERBIT As Sohwah Publication Sdn. Bhd.
ULASAN Nur Izzah Atira Muhamad Nazmi

Sejernih Sinar Matamu ialah tajuk bagi biografi kehidupan seorang doktor pakar mata iaitu Prof Dr Muhaya Mohamad yang terkenal dengan ceramah berkonsepkan 'Reset Minda'. Berasal daripada Terengganu dan terkenal dengan slot 'Celik Mata, Reset Minda' di Ikim fm. Beliau menegaskan dalam biografinya ini selain menceritakan kisah hidupnya sebagai pedoman, juga mencatatkan pesanan, doa dan harapan buat semua yang membacanya. Terdapat 13 bab utama dan di setiap bab diakhiri dengan beberapa 'kata hati' atau pesanan ikhlas buat pembaca.

Prof Muhaya terkenal dengan sikap rendah dirinya serta ceramah yang member kesedaran ketuhanan buat para pendengarnya. Di dalam biografinya ini, beliau member nasihat di sebalik setiap kisah hidup yang dilaluinya semenjak kecik hingga kini.Terselit kisah di mana dunia remajanya bermula dengan penceraian ibu bapa, perkahwinannya di usia muda dan juga kehilangan anak lelaki tunggalnya secara mengejut. Harapan, doa dan keredhaan yang masih ada digunakan untuk kembali bangkit dalam meneruskan pancaroba kehidupan.

Beliau juga menegaskan di dalam bukunya ini agar kita sebagai individu perlu sentiasa berfikiran positif dan bersangka baik terhadap insane lain. Hal ini kerana keladak dan sikap negatif di dalam diri kita dapat dikeluarkan melalui aura yang sentiasa positif.

Biografi ini lengkap dengan inspirasi dan semangatnya yang ingin dikongsi bersama pembaca bagi tujuan menambahkan ilmu pengetahuan terutamanya di dalam bidang keagamaan. Beliau juga berharap agar buku ini dapat mengubah paradigm pembaca, berubah cara berfikir dan mengubah cara melihat kejadian dan peristiwa dalam kehidupan kita agar sentiasa positif.

Didik anak cara Islam

JUDUL Pelajar Pintar Cerdas dan Berbakat
GENRE Pendidikan
PENULIS Mohd Zuri Ghani
PENERBIT Universiti Sains Malaysia
ULASAN Nur Izzah Atira Muhamad Nazmi

Buku terbitan Universiti Sains Malaysia ini membicarakan mengenai para pelajar yang pintar dan cerdas serta tips untuk berjaya di dalam pelajaran. Penerangan dan ayat yang digunakan adalah ringkas dan santai untuk difahami. Terdapat sepuluh bab secara keseluruhannya.

Di awal bab penulis membincangkan mengenai teori pembelajaran yang dapat diaplikasikan oleh guru sewaktu di sekolah. Ia juga berguna bagi ibu bapa sekiranya mereka mahu memantau pembelajaran anak-anak sewaktu di rumah melalui tips pemerhatian yang diberikan dalam buku ini.

Pertengahan bab pula penulis mengkaitkan hubungan antara genetik dan persekitaran terhadap kepintaran pelajar yang cerdas. Teori Kecerdasan Pelbagai yang diperkenalkan oleh Dr Howard Gardner. Menurutnya kaedah lama bagi mengukur tahap kecerdasan manusia adalah berdasarkan uijian IQ. Namun ia terlalu terhad dan tidak menguji secara keseluruhan bakat atau kebolehan individu. Selain itu beliau melakukan banyak kajian mengenai kelompok penduduk yang mempunyai beberapa kriteria istimewa.

Faktor genetik dan persekitaran ini diletakkan sebagai faktor utama pembentukan pelajar pintar cerdas dan berbakat. Francis Galton, seorang ahli sains inggeris menyatakan di dalam bukunya 'Heridatary Genius' bahawa hubungan antara baka keturunan dan tahap kecerdasan seseorang individu amat berkait rapat. Ibu bapa yang memiliki IQ yang tinggi atau sederhana berpotensi mewariskannya kepada anak mereka.

Seterusnya di akhir bab menerangkan mengenai bagaimana Tokoh Cendekiawan Islam seperti Al-Khawarizmi, Ibnu Sina dan Imam Al-Ghazali dalam cara mendidik anak pada pandangan Islam. Al-Khawarizmi terkenal sebagai Bapa Algebra manakala Ibnu Sina sebagai Bapa Kedoktoran dan seterusnya Imam Al-Ghazali sebagai ahli ulama. Antara cara yang boleh digunakan ialah sentiasa mendoakan anak-anak ketika waktu mereka tidur dan meniupkan di ubun-ubun mereka. Selain itu amalan surah tertentu ketika hamil dan mengamalkan makanan sunah seperti delima, kurma dan susu kambing.

Di dalam bab akhir diterangkan mengenai cara pemilihan pasangan di dalam Islam. Penyatuan antara suami isteri seterusnya melahirkan zuriat yang bakal menyambung generasi keluarga. Bagi mendapatkan anak yang terpelajar dan baik tingkah lakunya disarankan beberapa surah sebagai amalan buat ibu bapa. Contohnya surah Al-Imran, Al-Furqan dan juga Al-Baqarah untuk didoakan kepada anak.

Terdapat juga ayat-ayat ringkas yang boleh menjadi amalan kepada pelajar dan juga ibu bapa untuk dihafal agar sebati di dalam diri. Buku ini bukan sahaja mengajar individu untuk mencari ilmu keduniaan semata, namun juga bagaimana untuk mendapatkan keberkatan di dalam ilmu tersebut.

Pendek kata kandungan di dalam buku ini merangkumi aspek pembelajaran secara luaran dan juga dalaman. Ianya agar pelajar yang pintar dan cerdas mampu menjadi generasi yang berakhlak dunia dan akhirat.

Pasukan hoki USM bangkit perlawanan kedua



Pemain hoki USM, Izzat Fahim Sofi berjaya mengawal bola daripada dirampas oleh pemain hoki UiTM.

Oleh **MUHAMMAD SUHAIB MOHD SHAPIEE**

Universiti Sains Malaysia (USM) menghantar pasukan lelaki ke Liga Hoki Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) Divisyen 1 2015 untuk perlawanan pertama dan kedua di Universiti Putra Malaysia (UPM).

Ketua Pasukan, Ku Ahmad Azrezal Ku Omar berkata dalam perlawanan pertama USM kalah kepada musuh tradisi iaitu Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dengan jaringan 0 – 1.

"Semua pemain hoki USM bermain dengan bersungguh-sungguh tetapi tidak bernasib baik kerana pemain UPSI membuat serangan balas dan mendapat shoot corner pada minit terakhir", Azrezal berkata kepada Berita Kampus.

Menurut Azrezal, perlawanan kedua USM bangkit daripada kekalahan perlawanan pertama ketika menentang Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dengan jaringan 0–6.

"Ketika perlawanan kedua, pasukan hoki USM mendapat rentak permainan dan bertahan dengan baik walaupun pasukan UTM beberapa kali membuat serangan balas", kata Azrezal.

"4 gol dijaringkan oleh Muhammad Zahirul Faiz Ashaari dan 2 gol dijaringkan oleh Muamad Saufian Othman", kata Azrezal lagi.

Perlawanan seterusnya USM akan menetang pasukan Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Malaya (UM) di padang hoki Majlis Perbandaran Kuala Terengganu pada 27 dan 29 Mac 2015.

"Kami akan cuba bermain dengan posisi pertahanan ketika menetang pasukan hoki UM kerana mereka mempunyai ramai pemain hoki Malaysia", kata Azrezal.

Azrezal berharap pasukannya terus memberi komitmen dan meningkatkan lagi mutu permainan di bawah kendalian jurulatih Dr Jamilsafri Saibon.

Kejohanan Ragbi USM 10's kembali

Kelab Ragbi USM bakal mengadakan pertandingan Kejohanan Ragbi USM 10's kali ke 11 pada 16 hingga 17 Mei di Kampus Kejuruteraan Universiti Sains Malaysia dengan kerjasama daripada Ketua Unit Bahagian Hal Ehwal dan Pembangunan Pelajar, Kampus Kejuruteraan dan Pusat Sukan dan Rekreasi Universiti Sains Malaysia (USM).

Pengarah Program, Mohamad Fadhlul Imran berkata kejohanan ini merupakan acara tahunan Kelab Ragbi USM yang melibatkan dua kategori iaitu terbuka dan sekolah atau matrikulasi.

"Tujuan utama pertandingan ini diadakan adalah untuk mengangkat martabat sukan ragbi di Malaysia kerana ia kurang diberikan perhatian oleh orang ramai berbanding sukan lain", kata Fadhlul.

Fadhlul berkata ragbi merupakan sukan yang membina persahabatan antara semua pasukan yang bertandingan dan inilah masa untuk berkumpul bersama pemain ragbi daripada luar.

"Sekarang hanya 32 pasukan yang berdaftar untuk kategori terbuka manakala lapan pasukan berdaftar untuk kategori sekolah atau matrikulasi", katanya lagi.

Menurut Fadhlul, maklum balas daripada pasukan ragbi yang bertanding dalam kejohanan sebulum ini mereka amat berpuas hati dan kejohanan ini terkenal di Malaysia untuk peringkat universiti serta hadiah yang lumayan ditawarkan oleh pihak penganjur.

Hadiah yang ditawarkan untuk kategori terbuka, Johan bakal membawa pulang wang tunai RM2,000, Naib Johan RM1,300 dan tempat ketiga RM700 manakala kategori sekolah atau matrikulasi, Johan bakal membawa pulang wang tunai sebanyak RM700 dan Naib Johan RM500.

"Saya berharap kejohanan ini menjadi satu titik tolak untuk membuat kejohanan ragbi yang lebih besar lagi pada masa akan dating dan dapat menjemput pasukan daripada negara luar", jelas Fadhlul kepada wartawan *Berita Kampus.*

USM Minden Tiger bangkit semula

Pasukan bola sepak Minden Tiger Universiti Sains Malaysia (USM) menang 1-0 ke atas pasukan Universiti Putra Malaysia (UPM) yang berlangsung pada 14 Mac 2015 di padang UPM Serdang dalam Liga Bola Sepak Institut Pengajian Tinggi (Liga IPT) 2015.

Hasil kemenangan pungutan 3 mata penting dijaringkan oleh pemain baru Minden Tiger, Alyanbaawi Hani Juma, selepas gagal meraih pungutan 3 mata kemenangan ke atas pasukan Kolej Komuniti, Pulau Pinang pada perlawanan lepas.

Menurut jurulatih pasukan bola sepak USM Minden Tiger, Ahmad Norafandy Mohd Yatim, setakat ini para pemain menunjukkan cara permainan yang mengikut taktikal yang diberi kerana kemenangan amat penting.

"Pada mulanya pasukan kami akan meraih 1 mata ke atas pihak lawan tetapi tidak dijangka perancangan telah diatur di mana taktikal serangan menjadi dan kemenangan kepada pasukan kami untuk meraih 3 mata pada perlawanan ini", kata Norafandy.

"Saya berharap perlawanan menentang Universiti Malaya (UM) dilaman pada 21 Mac ini tidak menghilangkan 3 mata berharga dari pasukan kami, kepada warga USM dan penyokong-penyokong datanglah ke perlawanan ini untuk memberi sokongan dan semangat pada pasukan Minden Tiger USM", jelasnya lagi kepada *Berita Kampus.*

Pasukan renang USM takluk kolam CSC Pulau Pinang

Pasukan renang Universiti Sains Malaysia (USM) menunjukkan prestasi yang amat baik di kejohanan 51st Pasa Speedo State Age Group Swimming Championship 2015 pada 6 hingga 8 Mac 2015 di kolam renang Chinese Swimming Club (CSC), Tanjong Bungah, Pulau Pinang.

Atlet renang USM memperolehi 5 emas, 9 perak, 5 gangsa pada pertandingan tersebut. Menurut ketua pasukan renang USM, Tan Rhu Yee, beliau berpuas hati dengan pencapaian pasukan renang walaupun hanya menjalani latihan singkat selama dua minggu semasa mula pembelajaran kuliah dan mereka mampu memperolehi lima pingat emas keseluruhannya 19 pingat diperolehi dari pasukan renang USM.

Atlet renang USM yang menyertai pertandingan ini ialah, Choong Kei Yern, Tan Chee Soon, Ooi Tze Wei, Max Lee, Nurhafiz Syaza, Aedhy Junaidi, Tan Theng Ming, Ian Leondy, Tan Jun Hao, Lim Ping Ru, Tan Rhu Yee, Sandy Ong, Yen Zhuo Ting dan Bong Phei San, pertandingan ini adalah persediaan sebelum berlangsungnya kejohanan yang disertai pada tahun ini dan sebagai pemanas badan untuk atlet renang USM di awal semester bermula.